



LAPORAN
PANEL ANUGERAH SASTERA NEGARA
2003

لپوران
پنل انugerah ساسترا نڬارا
2003



LAPORAN
Panel Anugerah Sastera Negara
2003





LAPORAN

Panel Anugerah Sastera Negara

2003

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2004



Cetakan Pertama 2004
© Dewan Bahasa dan Pustaka 2004

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Reka Bentuk dan Reka Letak oleh Maamal Grafik
Muka Taip Teks : Palatino
Saiz Taip Teks : 10/12 poin

Dicetak oleh
Mudah Urus Enterprise Sdn. Bhd.,
No. 143, Jalan KIP 8,
Taman Perindustrian KIP,
Bandar Sri Damansara,
52200 Kuala Lumpur.



KANDUNGAN

Prakata	vii
Anggota Panel Anugerah Sastera Negara	ix
Laporan Panel Sastera Negara	1
Pengenalan	3
Cerpen	7
Novel	29
Kesimpulan	43
Lampiran	45
Biodata	47
Senarai Karya	49
Tanggapan tentang S. Othman Kelantan dan Karyanya	75





PRAKATA

BUKU laporan ini merupakan sebuah penerbitan tentang sumbangan penerima Anugerah Sastera Negara yang disediakan oleh Panel Anugerah Sastera Negara. Pada tahun 1981, telah diterbitkan buku laporan seumpama ini tentang Keris Mas, penerima Anugerah Sastera Negara yang pertama, diikuti oleh Shahnon Ahmad (1982), Usman awang (1983), A. Samad Said (1985), Arena Wati (1987), Muhammad Haji Salleh (1991), Noordin Hassan (1993), dan Abdullah Hussain (1996).

Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam "Warkah Dasar" Anugerah Sastera Negara, pencalonan bagi Anugerah ini haruslah memenuhi "syarat mengemukakan calon" yang antaranya, pencalonan hendaklah mengemukakan hujah secara bertulis berdasarkan: Penilaian mengenai karya sastera calon tersebut, penilaian tentang sumbangan fikiran calon tersebut yang berkaitan dengan dunia sastera, dan penilaian yang saksama tentang kegiatan calon tersebut yang mendorong ke arah pembinaan dan pengembangan sastera kebangsaan, jika ada.

Syarat-syarat di atas merupakan dasar yang menjadi perhatian utama ahli-ahli Panel ketika mengadakan perbincangan bagi menentukan penulis yang layak, yang akan menerima anugerah ini. Panel telah mengadakan beberapa perbincangan untuk meneliti sumbangan serta kekuatan calon. Panel akhirnya memilih sasterawan **Syed Othman Syed Omar** sebagai penerima Anugerah Sastera Negara ke-9, tahun 2003.



Penghargaan dan penghormatan negara yang diberikan kepada Syed Othman Syed Omar ialah:

- i. Warkah penghormatan negara;
- ii. Wang tunai sebanyak RM30 000.00;
- iii. Kemudahan dan keselesaan untuk kegiatan mencipta;
- iv. Kemudahan untuk penerbitan karya;
- v. Kemudahan perubatan percuma dalam wad kelas satu di mana-mana hospital kerajaan;
- vi. Penerbitan karya penerima Anugerah tidak kurang daripada 50 000 naskhah untuk dibeli oleh kerajaan dan disebarluaskan dengan luasnya ke sekolah-sekolah, perpustakaan-perpustakaan, jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan;
- vii. Kemudahan untuk dipertimbangkan menjadi Penulis Tamu di Dewan Bahasa dan Pustaka; dan
- viii. Terjemahan karya yang sesuai ke bahasa asing.

Dengan ini, Urus Setia mempersembahkan laporan kajian dan penelitian terhadap sumbangan Syed Othman Syed Omar yang disediakan oleh Panel Anugerah Sastera Negara.

**Urus Setia
Panel Anugerah Sastera Negara**



ANGGOTA PANEL ANUGERAH SASTERA NEGARA

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa Mohamad (Pengerusi)
Y. Bhg. Dato' Haji A. Aziz Deraman (Timbalan Pengerusi)
Y. Bhg. Tan Sri Profesor Emeritus Dato' Dr. Ismail Hussein
Y. Bhg. Profesor Dato' Dr. Zainal Kling
Y. Bhg. Profesor Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh
Profesor Dr. Amat Johari Moain
Profesor Dr. Syarifah Zaleha Syed Hassan
Profesor Dr. Zawiah Yahya
Profesor Lim Chee Seng
Profesor Madya Dr. Ismail Abdullah
Profesor Madya Dr. M. Rajantheran a/l Muniandy
Tuan Haji Hamdan Yahya (Setiausaha)





LAPORAN

Panel Anugerah Sastera Negara

2003





DR. SYED OTHMAN SYED OMAR



PENGENALAN

DR. SYED OTHMAN BIN SYED OMAR yang terkenal dengan nama penanya S. Othman Kelantan, dilahirkan pada tahun 1938, di Kampung Tebing Tinggi, Kemumin, Kota Bharu, Kelantan Darulnaim. Beliau juga menggunakan nama pena seperti Al-Yahya dan Ibnu Omar. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Sabak dan Sekolah Melayu Rambutan Rendang, Kota Bharu. Pada tahun 1952, beliau mengikuti bidang perguruan sehingga mendapat Sijil Perguruan TUOS. Di samping berkhidmat sebagai guru, beliau belajar secara persendirian dan lulus Sijil Pelajaran Malaysia (1964) dan Sijil Tinggi Persekolahan (1971).

Pada tahun 1974, S. Othman mengikuti Rancangan Pengajian Luar Kampus, Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera (1979), dan Sarjana Sastera (1982/83). Seterusnya, beliau memperoleh Doktor Falsafah daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1995. Beliau pernah mengajar di USM sehingga akhir 1983 dan menjadi pensyarah di Institut Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM), Universiti Kebangsaan Malaysia (1983 -1996). Beliau mendapat gelaran Profesor Madya di UKM pada tahun 1993. Kini, S. Othman menjadi pensyarah di Pujangga Management Institute, Serdang, Selangor Darul Ehsan.

Dalam lapangan kesusastraan Melayu moden, S. Othman mula memperlihatkan bakat dan kreativitinya melalui tulisan awalnya yang tersiar dalam *Utusan Kanak-kanak* dan *Tunas*



(1954). Selepas itu, tulisannya banyak termuat dalam majalah *Hiburan*, *Mutiara*, *Mastika*, *Qalam*, *Dewan Bahasa*, *Dewan Sastera* dan lain-lain. Karyanya juga disiarkan dalam akhbar *Warta Negara*, *Warta Mingguan*, *Utusan Malaysia*, *Utusan Zaman*, *Berita Minggu*, *Mingguan Malaysia* dan sebagainya. Pada peringkat awal pembabitannya, beliau banyak menghasilkan cerpen dan puisi. Kemudian, beliau menulis novel, eseи, dan kritikan dalam pelbagai bidang termasuk politik, falsafah, kebudayaan dan agama. Namun, kekuatan dan keistimewaan S. Othman lebih terserlah dalam penulisan cerpen dan novel.

S. Othman mula bergiat dalam penulisan cerpen semenjak tahun 1954, dan terkenal sebagai cerpenis Melayu yang berjaya selepas beliau menghasilkan cerpennya "Pahlawan Lembu" yang termuat dalam majalah *Dewan Bahasa*, Mei 1969. Sehingga tahun 2003, S. Othman telah menghasilkan 183 buah cerpen. Kebanyakan cerpennya dimuatkan dalam antologi perseorangan dan juga antologi bersama. Cerpen "Pahlawan Lembu" telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris (1973), bahasa Sinhalis (1978), dan bahasa Perancis (1991). Cerpennya "Catatan Seorang Senator" telah diterjemahkan ke dalam bahasa Rusia (1973). Cerpen "Hobi" pula diterjemahkan ke dalam bahasa Cina, manakala cerpen "Dedalu" diterjemahkan ke dalam bahasa Thai. S. Othman terus prolifik menghasilkan cerpen selama lima dekad sehingga awal alaf baru. Antara karya mutakhir beliau ialah "Gua Percintaan" (2000), "Bintang Kemilau" (2001), "Bintang Bertaburan" (2001) dan "Kawan Anjing Gila" (2003).

S. Othman telah menghasilkan lima buah kumpulan cerpen, iaitu *13 Cerpen S. Othman Kelantan* (1970), *Surat* (1979), *Ibu* (1980), *Perkahwinan Rama-rama* (1980) dan *Beberapa Pembetulan* (1991). Cerpennya telah terpilih untuk memenangi hadiah cerpen pilihan akhbar *Berita Harian* dan majalah *Mastika* dalam tahun 1960-an. Cerpennya juga turut memenangi Hadiah Karya Sastera dalam tahun 1972, 1973, dan 1975.

Setelah berhasil dalam penulisan cerpen, S. Othman mengorak langkah dalam penulisan novel. Novelnya yang pertama iaitu *Pelangi*, telah memenangi Hadiah Sagu Hati dalam Peraduan Mengarang Novel anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur (1962). Kejayaan itu mendorong S. Othman untuk menghasilkan novelnya yang lebih serius. Antara novelnya ialah *Pengertian* (1966), *Pertentangan* (1967), *Perjudian* (1973), *Perwira* (1980), *Ruang Perjalanan* (1989), *Ustaz*



(1991), *Nagogho Astana* (1997) dan *Orang Kota Bharu* (2003). *Angin Timur Laut* (1969) diterjemahkan ke dalam bahasa Perancis (1982), *Juara* (1973), diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun (1988), dan *Wajah Seorang Wanita* (1990), turut diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun (1998). Antara novelnya yang mendapat perhatian, banyak diperkatakan, dan dianggap sebagai puncak dalam penulisan novel dekad 1960-an ialah *Pertentangan* dan *Angin Timur Laut*. Novel *Juara* yang pernah diadaptasi sebagai drama dan teater oleh Abdul Aziz HM, dan dijadikan taridra oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, merupakan novel satira yang sentiasa menjadi tumpuan pengkaji, penggiat seni dan sastera sepanjang empat dekad, iaitu sejak dekad 1960-an hingga 1990-an. Malah, dalam dua buah novelnya yang terakhir, *Wajah Seorang Wanita* dan *Ustaz*, turut mendapat perhatian pengkaji, terutama penelitian dari segi visi Islam yang diterapkannya secara halus. Persoalan Islam dan peradaban baru juga disentuh dalam novel *Ruang Perjalanan*.

Selain menghasilkan novel dewasa, S. Othman juga menulis novel remaja. Antaranya ialah *Kawan Tersayang* (1989), *Khazanah Bukit Keluang* (1989), *Misteri Taman Rimba* (1989), dan *Pendaki yang Berjaya* (1989). Beliau turut menyelenggarakan beberapa buah novel sebelum Perang Dunia Kedua, antaranya *Acuman Mahkota* (1988) dan *Melati Kota Bharu* (1988). Penghasilan novel secara mantap dan berterusan, selain kesan pemikirannya yang mendalam terhadap sesuatu isu yang dikemukakannya, telah menempatkan nama S. Othman sebagai novelis Malaysia yang prolifik dan serius dalam sejarah kesusasteraan Melayu moden.

Selain menghasilkan karya kreatif, S. Othman juga menghasilkan eseи dan kritikan yang termuat dalam pelbagai akhbar dan majalah. Sehingga tahun 2003, sekurang-kurangnya 366 buah eseи dan kritikan dihasilkannya, malah beliau pernah memenangi Hadiah Esei dalam tahun 1984. Dalam bidang penyelidikan sastera, S. Othman Kelantan telah banyak menghasilkan buku kajian sastera. Antara hasil kajiannya yang sudah diterbitkan ialah *Teknik Mengkaji Novel: Dalaman dan Luaran* (1985), *Novel: Tanggapan dan Kritikan* (1986), *Arah Pemikiran Sastera Malaysia* (1987), dan *Kecenderungan Baru dalam Novel Melayu: Satu Kajian Struktur* (1987). *Pemikiran Satira dalam Novel Melayu* (1997) dan *Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden: Novel* (2003). Di samping menghasilkan penyelidikan dan kajian

sastera, S. Othman juga menulis rencana umum dalam pelbagai bidang seperti keagamaan, falsafah, kebudayaan dan politik. Buku tentang falsafah ialah *Falsafah Alam* (1963).

S. Othman juga terkenal sebagai aktivis sastera. Pada tahun 1954, S. Othman ikut menubuhkan Angkatan Sasterawan Muda Pantai Timur (ASMUPATI). Beliau merupakan salah seorang pengasas Persatuan Penulis-penulis Kelantan (PPK) yang ditubuhkan dalam tahun 1966. Pada tahun 1972, S. Othman dilantik sebagai Ketua Sesi Penerbitan dan kemudian dilantik sebagai Ketua 1 PPK, (1973 – 1976).

S. Othman bukan saja terkenal sebagai penulis cerpen dan novel yang serius, tetapi juga dalam pelbagai bidang penulisan untuk mendukung pemikiran dan pembinaan ilmu. S. Othman terlibat secara langsung sebagai pembina dan penyebar ilmu sastera. Sekitar tahun 1990-an, S. Othman banyak membuat penelitian dan pentafsiran baru secara akademik terhadap bidang kesusasteraan Melayu klasik dan moden. Penelitiannya secara akademik ini banyak disiarkan dalam ruangan "Yang Tersirat" (1989 -1994) dan ruangan "Catatan Sastera" (1995 -1996) di *Dewan Sastera*. Di samping itu, S. Othman juga menulis pelbagai kertas kerja sastera dan budaya untuk dibentangkan dalam seminar, simposium, kongres, ceramah, forum dan kuliah ilmu sama ada di dalam atau di luar negara. Sumbangan pemikirannya itu memberi kesan yang besar terhadap usaha pemasyarakatan dan pengembangan sastera kepada masyarakat, bangsa dan negara.

Penglibatan S. Othman dalam kegiatan kesusasteraan selama lima dekad membolehkan beliau menerima pelbagai anugerah, antaranya ialah Anugerah S.E.A Write Award (Thailand), 1990 dan Anugerah Tokoh Sastera Negeri Kelantan Darulnaim, 2003. Beliau turut dianugerahi Pingat Bakti daripada DYMM Sultan Kelantan, 1973 dan Pingat Ahli Mangku Negara (A.M.N) daripada DYMM Yang di-Pertuan Agong, pada tahun 1974.



CERPEN

Pengkaryaan cerpen S. Othman Kelantan bermula sejak tahun 1954 dengan tersiaranya cerpen "Pembalasan" (*Tunas*, 5 September) dan "Mayat Mencari Lawan" (*Tunas*, 10 Oktober). Bermula dengan cerpen tersebut, S. Othman Kelantan terus prolifik berkarya sehingga menjangkau tempoh lima dekad. Sehingga tahun 2003, beliau telah menghasilkan 183 cerpen dan 5 kumpulan cerpen. Cerpen "Pahlawan Lembu" yang disiarkan dalam *Dewan Sastera*, Mei 1969 mula menanjakkan namanya sebagai penulis cerpen apabila ia mendapat perhatian pengkritik dan diterjemahkan ke dalam tiga bahasa, iaitu Inggeris (1973, 1977), Perancis (1991) dan Sinhalis (1973). Cerpen-cerpennya "Hobi" diterjemahkan ke bahasa Cina, "Catatan Seorang Senator" diterjemahkan ke bahasa Rusia", "Cuti", "Suara Ombak" dan "Keputusan" ke bahasa Inggeris. Kepengarangan S. Othman Kelantan melalui cerpen-cerpennya yang disiarkan dalam bentuk kumpulan akan dibincangkan mengikut dekad penerbitannya.



Cerpen-cerpen awalnya yang tersiar dalam akhbar dan majalah sekitar tahun 1960-an iaitu antara tahun 1963 hingga tahun 1969, terkumpul dalam kumpulan *13 Cerpen S. Othman Kelantan*, yang diterbitkan oleh Syarikat Dian Sdn. Bhd., Kota Bharu, Kelantan, tahun 1970. Cerpen-cerpen yang dimuatkan dalam kumpulan ini membawa pelbagai tema, iaitu mengenai kemiskinan hidup kaum tani, penarik beca, masalah mendapatkan modal dan persaingan peniaga-peniaga Bumiputera, kebobrokan politik, protes



langsung yang dialirkan secara sinikal dan perlambangan agak sukar untuk segera ditanggapi seperti dalam cerpen "Dedalu", "Cintakan Tanah Air", "Ibu Tidak Mati", "Orang-orang yang Dilupakan" dan "Penghormatan."

Cerpen "Orang-orang yang Dilupakan," ditulis dengan menggunakan teknik surat. Cerpen ini menampilkan persoalan semangat patriotisme sebenar, mengisahkan orang perjuangan yang tidak dihargai jasanya. "Aku" menerima surat itu mencarik-carikkan surat daripada kawannya itu dan menaburkannya ke dalam parit, seperti "aku" tidak menghargai rintihan kawannya yang berjuang di garis hadapan. Dalam cerpen ini, S. Othman bersikap sinis terhadap para pemimpin yang tidak mengenang jasa para perajurit tanah air dan rakyat marhaen. Isu ini dapat ditanggapi melalui prolog dedikasi cerpen tersebut, "Ketiga: orang-orang besar yang merasa dirinya berjasa tetapi tidak buat apa-apa." "Aku" mencarik-carik surat itu kerana berasa kecewa, dirinya tidak dapat berbuat apa-apa.

Cerpen "Dedalu" secara simbolik memperihalkan sebuah kampung bernama Belukar Nangka yang mempunyai dua belas buah rumah, iaitu simbol sebuah Tanah Melayu yang mempunyai dua belas buah negeri ketika itu. Belukar Nangka menjadi tumpuan para peniaga dari Kampung Tarina dan Sadia, untuk mewakili watak para penghijrah dari negeri China dan India, yang melakukan migrasi besar-besaran ke negeri ini pada akhir abad ke-19 dahulu.

Watak-watak penghijrah ini dipertentangkan dengan watak Pak Kasran, peneroka Kampung Belukar Nangka, yang berkeperibadian lemah dan mudah dipengaruhi oleh kebendaan. Bahana kesilapan Pak Kasran, telah mengakibatkan bencana dan padah kepada penderitaan anak bangsanya. Perutusan cerpen ini ialah sikap licin, tamak berniaga Lee Tong Ho dan Mohindar Singh patut dicontohi oleh peniaga-peniaga Bumiputera jika mereka mahu maju dan setanding dengan peniaga-peniaga bukan Melayu. Keinsafan Pak Kasran bagaimanapun hanya terlambat untuk membawa perubahan, apabila sekian banyak tanah kampung Belukar Nangka bertukar tangan. Dalam kesalannya, Pak Kasran berpesan kepada anak-anaknya:

"Kau," kata Pak Kasran kepada Said dan Omar, "mulai hari ini bekerjalah sungguh-sungguh mengawal kebunmu daripada



jatuh ke tangan orang lain. Janganlah mengharapkan sangat perkongsian dengan orang lain, sebab mereka lebih cekap dari kita dan tipu helahnya."

Cerpen "Jalannya Sendiri" membawa tema kegigihan pemuda bernama Uzair, seorang guru yang ingin berdikari secara membuka perniagaan. Tema ini disalurkan dengan menggunakan teknik dimensi ruang yang dilambangkan dengan "R", "R-0", "R-1", "R-2" dan "R-3". R membawa makna lingkaran ruang kehidupan manusia, bermula dengan ketiadaan wujudnya sehingga wujud di dunia dan akan kembali semula ke dalam alam yang mungkin dilambangkan dengan "R-4." Teori ruang atau dimensi ruang ini dibincangkan oleh Uzair dengan rakan-rakan latihan perguruannya, Jalal, Fatah, Taufan, Kahar dan Faris. Cerpen ini menggambarkan watak Uzair, seorang pemikir yang berpotensi meraih kejayaan dengan cara mengambil "jalannya sendiri" dengan membuka Restoran Merdeka, tidak seperti teman-teman lain yang masih menjadi guru.

S. Othman melalui cerpen, "Catatan Seorang Senator" mengutarakan tema tentang kebobrokan politik dan nilai moral di kalangan orang yang terhormat bergelar "senator" dengan menggunakan bentuk buku catatan harian. Walaupun karya ini disampaikan dengan wahana yang ringan dan tidak secara khusus, persoalan yang ditampilkannya dapat memberi kesan langsung dan sinikal kepada pembaca.

Cerpen "Ibu Tidak Mati", menampilkan watak ayah untuk melambangkan orang perjuangan yang pernah menentang penjajahan untuk mendapat kemerdekaan Malaysia. Watak si ayah dilukiskan sebagai amat keras, tiada kesedihan pada dirinya tatkala dia berhadapan dengan suasana pemergian isterinya Hajah Aminah yang kembali ke hadrat Tuhan. Beliau sebaliknya lebih gemar bercerita tentang perjuangan masa silamnya dengan teman-teman seperjuangannya dahulu sewaktu jenazah isterinya sedang diziarahi. Si ayah telah memperkenalkan makna perkataan ibu yang sebenar, yang "tidak pernah mati". Si ayah mendidik semangat cintakan tanah air dan semangat keperwiraan kepada anak-anaknya bagi mewakili generasi baru, dengan menyatakan bahawa ibu yang meninggal sebenarnya "Ibu yang kedua". "Ibu pertama" ialah Malaysia, sebagai "ibu kandung" yang tulen, "ibu yang melahirkan dan membesar



jiwamu. Cintailah dia, korbanlah kerananya, pertahankan ia sampai kau hancur lumat menjadi debu!"

Cerpen "Kosong" pula mengisahkan ahli politik kampungan yang dangkal pengetahuan politiknya. Salim sanggup menghadiri rapat umum dalam hujan lebat, mengabaikan anak isteri yang sakit, yang kelaparan kerana beras tak sebutir pun berada dalam genak. Cerpen ini boleh memberi pengajaran yang baik kepada ahli-ahli politik kampungan, ahli-ahli politik yang buta politik; bahawa demikianlah politik, hanyut seperti seketul sabut di permukaan air deras, berjuang tanpa tujuan. Tajuk cerpen "Kosong" bersesuaian dengan tema yang dikemukakan S. Othman Kelantan.

Cerpen "Riang Bagaikan Burung-burung" mempunyai nilai sastera yang cukup mantap, dengan kesan estetika yang tinggi. Cerpen ini mengemukakan tema dan persoalan biasa, tentang petani gigih yang cuba berhadapan dengan musim kemarau dengan cara menggali perigi selama beberapa hari. Untuk menampung perbelanjaan bersalin isterinya, Pak Min menggadai tanahnya kepada Penghulu Seman. Cerpen ini penuh dengan kejutan atau kesan ironi; apabila anaknya yang kedua belas juga mati sewaktu dilahirkan sebagaimana sebelas kehirian sebelumnya, tanahnya pula tergadai, dan ketika periginya mulai menakung air, hujan mulai turun. Kritikannya terhadap kalangan pemimpin yang mengambil kesempatan ke atas anak buahnya, diselit secara halus dan berkesan.

"Babi Zaman Teknologi" pula mengisahkan empat orang sahabat hidup berkongsi rumah yang boleh diumpamakan sebagai "kandang babi". Kehidupan mereka bercelaru dengan keperibadian yang pelik-pelik, sehingga ada watak yang bertindak dan bertutur tanpa kesopanan. Tetapi dalam keadaan sedemikian, masih ada nilai kemanusiaan yang dikongsi, sebagaimana yang terpancar pada watak Kasim yang amat bersimpati dengan Daud, yang perangainya diumpamakan sebagai "babi". Kasim sering membantu Daud membayar sewa beca, kerana pertimbangan kemanusiaan dengan alasan, kalau beca Daud ditarik balik, siapa pula yang akan menanggung makan minumnya?

Cerpen-cerpen S. Othman Kelantan yang termuat dalam kumpulan ini sangat baik dari segi teknik dan gaya bahasa. Bahasa S. Othman sangat lincah, mudah, tepat dan padat penggunaan kata-katanya. Pada keseluruhannya ternyata



penggunaan kata-kata kiasannya dan perbandingannya yang segar, tidak stereotip dan memiliki gaya bahasa yang tersendiri. Ini ketara dalam cerpen "Sisa" yang bukan saja dilihat dari segi persoalan tetapi juga dari sudut gaya bahasa. S. Othman juga menggunakan istilah-istilah yang "berani" selain menggunakan bahasa perbandingan yang benar-benar asli. Ayat-ayatnya kemas dan membekas kepada khalayak. Pencapaian ini memperlihatkan keistimewaan kreativiti S. Othman Kelantan yang bijak memanipulasi bahasa. Selain itu, S. Othman Kelantan teliti memilih dan mewajarkan makna kemanusiaan yang tinggi dalam cerpen-cerpennya pada dekad 1960-an. Kecenderungan cerpen beliau pada dekad ini adalah membentuk pemikiran masyarakat berkeperibadian tinggi bagi mengisi kemajuan sahsiah dan ekonomi negara pascakemerdekaan.



2

Cerpen-cerpen pada dekad 1970-an telah diterbitkan dalam dua buah kumpulan cerpen, iaitu *Surat* (1979) dan *Ibu* (1980). Dalam kedua-dua kumpulan ini, S. Othman banyak mengemukakan tema tentang kehidupan nelayan, keinsafan diri, cinta dan kasih sayang, keruntuhan moral, pertentangan budaya, propembangunan, kemiskinan dan persoalan cita-cita. Jerih-perih kehidupan dan kegigihan nelayan terakam dalam "Anak Laut" dan "Seorang Nelayan" (Sura). Cerpen "Anak Laut" seolah-olah satu catatan pengalaman Ali bersama kawannya Subki dan Sulung yang hanyut di laut setelah kolek mereka pecah dipukul gelombang besar. Dalam peristiwa itu, hanya Ali dan Subki sahaja yang terselamat. Pengarang cuba memaparkan keprihatinan insan yang lebih bernasib baik terhadap kesengsaraan insan lain. S. Othman juga menyelami persoalan sosiobudaya yang berkaitan dengan kepercayaan, keagamaan dan *taboo* moral. Dalam cerpen "Seorang Nelayan" kepercayaan khurafat masyarakat kampung terhadap puaka ikan kakap putih yang timbul di permukaan sungai, dibasmi, apabila Pak Wil berjaya menangkap kakap putih tersebut walaupun dia mengalami sedikit kesukaran.

Dalam cerpen "Penyeksaan", S. Othman memilih tema



keagamaan dengan mengembalikan protagonis ke jalan keinsafan dan menemui jalan kebenaran setelah sekian lama terjebak dengan perlakuan yang bersalah di sisi agama dan undang-undang. Kesedaran timbul setelah protagonis mengalami penyiksaan batin. Cerpen "Diri" memaparkan keinsafan protagonis terhadap segala dosa dan noda yang pernah dilakukannya, terutama setelah satu-satu anaknya Anisah meninggalkannya untuk mengikuti kumpulan dakwah dan juga setelah kematian isterinya.

Tema mengenai keruntuhan moral digarap dalam cerpen "Kepuasan" dan "Malu" yang membawa perubahan kepada watak kecil secara psikologi, dan bagaimana seorang ketua pejabat memperalatkan orang bawahannya berasa malu seperti mukanya "bertampal dengan kulit babi" membuntingi seorang gadis supaya bertanggungjawab. Malu ketua pejabat itu dapat ditutup dengan wang tiga puluh ribu ringgit. Pada S. Othman, yang lebih bermaruah ialah Si Leman, budak pejabat yang mengahwini Nursiah, kerana mengamanahkan wang sogokan itu kepada anak Nursiah.

Terdapat juga persoalan cinta dan kasih sayang dalam cerpen "Aku Bercinta", "Pelabuhan Yang Kuttinggalkan", "Takdir", "Bapa", "Ibu" dan "Pusaran." Persoalan cinta diperlihatkan dari pelbagai perspektif, cinta tulen terhadap tanah air, terhadap orang yang dicintai, dan cinta terhadap sesama makhluk.

S. Othman juga membicarakan tema "perjuangan" dalam cerpen-cerpennya "Pendekar", "Pertaruhan", dan "Perjuangan". Cerpen "Pendekar" mengisahkan watak utama, dia, telah bertarung dalam satu gelanggang silat dengan seorang pendekar yang handal semata-mata untuk membuktikan yang dia juga handal dan jaguh. Dalam pertarungan itu, dia mendapat kemenangan. Manakala dalam cerpen "Pertaruhan" pula mengisahkan watak utamanya seorang tua bernama Pak San, telah mempertaruhkan nyawanya untuk membunuh seekor harimau yang telah memakan empat ekor kambing peliharaannya. Perjuangannya melawan harimau merupakan pertaruhan hidup mati, tetapi ternyata akhirnya Pak San telah berjaya membuktikan sifat kepahlawanannya apabila berjaya membunuh harimau itu. Perjuangan dalam cerpen S. Othman, diperluaskan dalam pelbagai bentuk, iaitu "perjuangan" antara manusia dengan manusia, antara manusia dengan haiwan, dan



antara manusia dengan alam.

Pada awal dekad 1970-an, S. Othman menggariskan plotnya secara kronologi walaupun beliau juga menggunakan teknik sorot balik dan imbas muka. Beliau juga membina struktur cerpennya yang konvensional bertunjangkan hukum sebab dan akibat. Kecenderungan kreativitinya berubah pada akhir dekad 1970-an, apabila cerpen-cerpennya berbentuk bukan konvensional, plot cerita "sublime" atau bersifat "antiplot", pemaparan ceritanya kadangkala bertentangan de-njan fitrah atau kelaziman manusia. Watak-watak dibina melalui pemikiran seolah-olah karya itu wujud dalam imaginasi, sehingga pembaca kadangkala sukar untuk membezakan antara realiti dan imaginasi. Ini terlihat dalam cerpen "Cuti", "Perlumbaan", "Diri", "Sepi", "Keenggan", "Pesta" dan "Rama-rama". S. Othman telah mencampuradukkan peristiwa dengan pemikiran atau falsafah.

Cerpen-cerpen yang dihasilkannya juga bersifat antiplot atau dalam bentuk absurd seperti dalam "Mimpi yang Bertaburan." Lazimnya teknik antiplot digunakan untuk menyingkap unsur dalaman watak. Kekacauan antara waktu dan latar ditambah lagi dengan pengucapan yang abstrak telah menjadikan cerpen pada dekad ini seperti tidak berplot. Teknik sedemikian boleh dikatakan sebagai suatu kecenderungan S. Othman dalam menulis cerpen pada akhir dekad 1970-an. Gaya bahasa yang digunakan amat kreatif dan imaginatif, dengan menggunakan struktur ayat yang mengandungi kiasan, perbandingan, bunga bahasa, bahasa perulangan, onomotopia dan sebagainya, menjadikan cerpen-cerpen beliau amat segar dan memikat.



Pada dekad 1980-an, S. Othman Kelantan menghasilkan dua buah kumpulan cerpen iaitu *Perkahwinan Rama-rama* dan *Beberapa Pembetulan*. Dua kumpulan cerpen ini memuatkan cerpen yang bertemakan kehidupan masyarakat di kota, di desa dan pergolakan manusia, permasalahan sosial, keagamaan, falsafah dan perjuangan.

Dua puluh satu cerpen dalam kumpulan cerpen



Perkahwinan Rama-rama, misalnya memaparkan realiti manusia secara kreatif, mengenai isu-isu politik, kemasyarakatan, kemanusiaan dan kebinatangan, hinggahalah kepada falsafah yang abstrak.

Persoalan falsafah ketara dalam cerpen "Sepi", "Mimpi yang Bertaburan", dan "Rama-rama". Cerpen-cerpen tersebut menyingkap persoalan tentang falsafah kehidupan manusia. Cerpen "Sepi" misalnya mengemukakan falsafah Thomas Aquinas dan Ibnu Tufail, iaitu mengenai perhubungan manusia dengan keindahan. Cerpen "Sepi" membawa persoalan "kesepian" yang melingkungi manusia. Kesepian yang dikategorikan melalui penamaan watak Sepikongkrit dan Sepiyangsepi. Sepikongkrit ialah sepi yang material, seperti yang terdapat di gunung-gunung, sungai dan bukit, berbentuk ketulan batu yang dijadikan objek baru seperti pencakar langit, jalan raya, bilik mandi dan tandas. Perbuatan sedemikian meleburkan kewujudan sepi yang unggul. Sebaliknya, Sepiyangsepi, yang abstrak dan mutlak, wujud dalam sanubari insan yang gelisah dan tragis. Dialog antara kedua-dua jenis "Sepi" dapat menghuraikan makna kedua-dua jenis kesepian tersebut di samping mendedahkan unsur-unsur luar yang ganas, yang sentiasa hendak mencabuli kewujudan kedua-dua kategori sepi itu.

S. Othman Kelantan turut menghasilkan cerpen secara interteks terhadap dua novel penting tanah air, iaitu *Salina* dan *Ranjau Sepanjang Jalan*. S. Othman melakukan penyambungan terhadap karya Salina. Menerusi cerpen "Keputusan", dia menampilkan watak Siti Salina yang sudah tua, hilang pegangan hidup dan diserang penyakit raja singa. Dalam cerpen ini juga, S. Othman melahirkan pandangannya mengenai kehidupan keluarga Lahuma dan isterinya, Jeha, watak dalam novel Shahnon Ahmad itu. S. Othman merumuskan, bahawa Lahuma menjadi korban kealpaan dan kebodohnya sendiri. Beliau terkorban kerana tidak mahu menghampiri orang lain. Mereka beragama, tetapi tidak mengikut lunasnya. Penampilan semula watak-watak secara interteks merupakan suatu teknik baru yang menarik oleh S. Othman Kelantan.

Salah satu kecenderungan S. Othman sepanjang penghasilan cerpen ialah menjadikan tema keagamaan sebagai kemestiannya yang utama. S. Othman tidak akan membenarkan watak-wataknya terpesong daripada pengajaran dan nilai-nilai Islam, sebaliknya membentuk watak-wataknya menuju ke arah



mahmudah. Ada unsur pendidikan akidah, iman dan keilmuan di sana sini.

Hal ini jelas dalam cerpen "Ustaz", watak Ustaz Saifuddin mengajar anak-anak Datuk Jalal Akbar mengaji al-Quran, "untuk memulihkan mereka yang telah jauh meninggalkan pelabuhan Islam." Ustaz Saifuddin digoda Siti Nuriza, anak gadis Datuk Jalal Akbar, yang dianggapnya "kijang emas yang lincah berlari-lari, melompat-lompat, meragut daun-daun muda dalam taman hatinya yang sedang berkembang." Lantaran itu, Ustaz Saifuddin lulusan Universiti al-Azhar itu, mengambil keputusan berhenti saja, dengan alasan bertukar mengajar ke Pahang. Pengarang menyelamatkan Ustaz Saifuddin dengan petunjuk keimanan: "Ya Tuhan! Dia cuba berdiri tegak di dalam dadanya. Dia mengharapkan restu dari Tuhan, bahawa dia mestilah mempunyai "keimanan seorang Yusuf a.s. dalam menghadapi godaan daripada seorang Zaleha." Dan "Dia berdiri tegak dengan rasa penuh keimanan bahawa kehidupannya di dalam keluarga ternama itu adalah kehadiran penyelamat kepada satu jiwa yang hampir roboh oleh landaan dunia yang sering senyum tapi menghiris saban detik."

Sewaktu S. Othman di Universiti Sains Malaysia di Minden, Pulau Pinang, beliau mendalam kehidupan masyarakat di sekitar Masjid Acheen Street. Pengalaman ini mengilhamkannya menghasilkan cerpen "Seorang Tua Sebuah Masjid Lama Sebuah Kota". Cerpen ini mencatatkan beberapa fakta sejarah tentang kewujudan Masjid Acheen Street. Pengasasnya, Haji Abbas Rawa menjadi payung perteduhan masyarakat Islam dan masjid pula lambang keislaman di tengah-tengah kota raya Pulau Pinang sewaktu penaklukan Jepun. Masjid tersebut tetap berdiri utuh membuktikan kekuasaan Allah yang melindunginya daripada terjejas dan musnah oleh bom musuh. Tetapi ironi yang beliau timbulkan dalam cerpennya ini ialah pemaparan "kedai-kedai kitab sekitar Acheen Street ini seperti bulan kesiangan. Atau seperti suatu bunyi yang kian menghilang. Tidak ada lagi anak muda yang datang bertanya "Manakah Musalli? Manakah Ihya Ulumuddin? Manakah Kifayatul Awam? Manakah Hikam? Manakah Masail?" Tidak ada lagi. Tidak ada lagi." S. Othman seolah-olah dengan sinis berkata bahawa manusia hanya akan mencari Tuhan mereka tatkala menghadapi kesengsaraan.

Cerpen-cerpen S. Othman bukan semata-mata meng-



gambarikan yang tersurat malah banyak juga yang tersirat seperti disebutnya dalam blurb; "Ia tersaji sebagai suatu juadah yang hanya mungkin dapat dinikmati oleh orang yang kritis dan berminat, bukan untuk dibaca oleh orang-orang yang iseng-iseng kerana waktunya lapangnya banyak."

"Suara Ombak", "Malam yang Menentukan", "Aku Menemui Wajahku", "Cuti", "Mimpi yang Bertaburan" dan beberapa buah cerpen yang lain menuntut penelitian dan pemahaman ilmu pembaca. Umpamanya, S. Othman dalam "Cuti" menggambarkan yang akan terjadi kepada manusia apabila Allah meluluskan para setan dan iblis cuti selama lima abad. S. Othman menggambarkan bahawa "Waktu Subuh itu masjid-masjid kehabisan tempat. Setiap rumah ibadat tidak ada ruangan walau seluas jari. Anak-anak gadis keluar dari celah-celah lorong sunyi tanpa ragu-ragu. Perempuan dan laki-laki jalang tidak peduli kepada siapa yang mereka temui. Trang Van Dong bersalam dengan Norodom Sihanouk dan Pol Pot dan Kiew Samphan. Hua Kuo-Fing berjabat erat dengan Brezhnev dan Kosigyn. Carter makan sate dengan Fidel Castro. Morarji Desai mencari Indira Gandhi untuk piknik di Kashmir." Persoalan cuti yang ditimbulkan oleh S. Othman, bukan percutian biasa, tetapi yang menemukan pelbagai tokoh politik yang berlainan dogma dan idealisme politiknya. Cerpen ini tepu dengan pemikiran abstrak dan memerlukan daya kreatif yang imaginatif untuk ditanggapi.

Pada amnya, cerpen-cerpen dalam Kumpulan *Perkahwinan Rama-rama*, berjaya menyingkap kebanyakan tipa watak dalam kehidupan manusia yang amat kompleks, cerpen yang berupaya mencoretkan kisah manusia dalam menanggapi permasalahan diri peribadi secara mendadak atau memperlihatkan kesanggupan berfikir, menyelami dan merungkai masalah-masalah yang kompleks. Beliau menemui keperibadian penulisannya melalui beberapa teknik eksperimen yang disajikannya untuk tatapan pembaca. Malah, dia berketrampilan untuk membina keteguhan rohani dan kehidupan umat manusia serta mananamkan rasa cinta terhadap agama. S. Othman Kelantan bukan hanya lantang dalam memperkatakan sastera Islam, tetapi telah dapat menerapkannya dengan berkesan pada cerpen-cerpennya dalam *Perkahwinan Rama-rama*.

Cerpen-cerpen yang dihasilkan pada dekad ini juga berkecenderungan menggunakan bentuk dan teknik yang bukan kon-



vensional, hasil penelitiannya terhadap teori dan aliran baru dalam perkembangan sastera sezaman. Cerpen-cerpen "Mimpi Yang Bertaburan", "Keengganan", "Perlumbaan", "Sepi", "Rama-rama" dan "Pesta", misalnya terpisah dari tradisi lama cerpen, meninggalkan konvensi perwatakan, dan juga tidak berlatar masa yang pasti. Kumpulan cerpen ini memperlihatkan kemajuan kreativiti beliau pada dekad 1980-an.

Cerpen-cerpen S. Othman Kelantan dalam dekad 1980-an, berkecenderungan kepada abstraktisme dan absurdisme. *Perkahwinan Rama-rama* (PRR) dan *Beberapa Pembetulan* (BP) juga menampung karya-karya yang beraliran sedemikian. Namun, aliran abstraktisme dan absurdisme ini masih dalam konteks sastera Malaysia dan Indonesia. Aspek kemustahilan dan keluarbiasaan, bukanlah peniruan "absurdity" Barat yang sekular, seperti dipelopori oleh Beckett atau Brecht atau "Tuhan sudah Mati" Nietszhe. Antara cerpen S. Othman Kelantan yang memperlihatkan kecenderungan ke arah aliran ini ialah "Pada Suatu Ruang" (BP), "Sang Raja" (BP), "Aku Menemui Wajahku" (PRR), "Malam Yang Menentukan" (PRR) dan "Suara Ombak" (PRR).

Dalam "Sang Raja", terdapat pemikiran yang besar-besar, tetapi disampaikan dalam bentuk "absurd". Watak Sang Raja mengumpulkan watak-watak utama dalam sejarah manusia Melayu dan Barat, dan berdialog dengan mereka untuk melihat kesilapan-kesilapan sejarah yang telah berlaku. Watak Hang Tuah, Hang Jebat, Bendahara Seri Maharaja, Oedipus, Sang Kuriang dan ramai lagi telah datang menghadap dan diusul periksa Sang Raja. Setelah berlaku dialog antara mereka, Sang Raja membuat rumusan:

"Nyata bahawa semua keruntuhan yang berlaku kepada mereka zaman purba kerana menurutkan hawa nafsu. Sex-maniac. Rasuah. Gila pangkat. Fanatik. Mengabaikan tugas negara. Memberikan kebebasan yang tidak sepatutnya kepada kaum imigran. Tidak menyedari kebodohan sendiri. Dan banyak lagi. Banyak lagi. Banyak lagi. Stop."

Ubat kepada semua penyakit ini bagi Sang Raja adalah:

"Falsafah kerajaanku senang saja. Semuanya aku rujukkan kepada kitab suci al-Quran dan al-Hadith. Kemudian dengan



sikapnya tidak memandang ke Barat atau ke Selatan. Tidak memandang ke Timur atau ke Utara. Tapi mesti memandang kepada kebenaran yang hakiki. Kebenaran fitrah."

"Aku Menemui Wajahku", "Kesementaraan" dan "Suara Ombak" juga sarat dengan pemikiran falsafah. Cerpen "Aku Menemui Wajahku" menampilkan falsafah Islam yang begitu jelas tentang kehidupan dua golongan manusia selepas kematian, iaitu: yang hidup dalam seksaan dan azab sengsara dan yang hidup dalam kebahagiaan dikelilingi bidadari. Pengalaman kerohanian watak ini diperlihatkan sewaktu "aku" dalam keadaan pengsan setelah terlibat dalam kemalangan jalan raya. Cerpen "Kesementaraan" pula mengemukakan falsafah hidup manusia yang tinggal di kota besar, Kota Wangi, yang umumnya penduduknya berekor. Manusia berekor itu merujuk kepada pangkat dan tahap kehidupan dan atas sebab ini Kota Wangi digelar "Kota Intelektual" yang didiami golongan berekor yang memiliki ijazah yang berjela-jela, tetapi hidup secara mementingkan diri sendiri, menyempitkan fahaman ajaran Islam dan banyak mengeluarkan fatwa sendiri, kalangan yang memiliki ilmu tetapi tidak dapat memanfaatkan ilmunya untuk mencari nilai kebenaran.

Cerpen "Suara Ombak" pula bertitik tolak daripada falsafah Yunani tentang falsafah pencarian keindahan dan kebenaran hakiki. Pengembaraan yang menuntut keteguhan keperibadian dan kebijaksanaan memilih nilai yang terbaik untuk menjadi bekalan kehidupan. Keterpesonaan pada keindahan luaran dan harfiah mengakibatkan kemusnahan. Pengarang menggunakan tipa Daedalus dengan anaknya Icarus yang bersikap ragu-ragu di pulau Crete. Si "abang" dalam cerpen ini menganggap dirinya Daedalus dan merigharapkan si adik menjadi Theseus yang berperanan membunuh Minotaur sebagai lambang penghalang dan pemusnah kehidupan. Daedalus menggunakan kekuatan inteleknya untuk mencari jalan keluar dari *labyrinth* bagi mengelakkan Minotaur yang dahsyat itu yang menunggu pada salah satu jalan keluar. Di akhir cerita, si adik telah mengulangi kesalahan sebagaimana yang pernah dilakukan oleh Icarus yang terbang terlalu tinggi ketika keluar daripada *labyrinth* sehingga sayapnya terbakar matahari. Si adik menjadi korban akibat tertipu oleh kejernihan air laut tanpa menyedari kedalaman dasarnya. Cerpen ini memperlihatkan



pencarian kebenaran hakiki adalah puncak pencarian dalam kehidupan ini. Demikianlah contoh kedalaman pemikiran S. Othman dalam cerpen-cerpennya yang berpaut kepada keagamaan, kepercayaan dan kebenaran hakiki.

Persoalan cinta yang lazim disentuh dalam cerpen-cerpen pada dekad sebelumnya masih diteruskan oleh S. Othman Kelantan seperti yang terlihat dalam cerpen "Tergerak di Sini" (BP), "Rindu Seri Samudera" (BP) dan "Kamar Malam" (BP). Cerpen "Rindu Seri Samudera" mengisahkan kisah cinta Puteri Syahnaz dengan Jejaki. Walaupun kedua-duanya saling mencintai tetapi mereka ego untuk mengakui perasaan cinta yang tumbuh dalam hati mereka, sehingga Jejaki berangkat meninggalkan Seri Samudera untuk mengembara, barulah kesedaran menyusup dalam sanubari Puteri Syahnaz dan mula merasakan kehilangan. Cerpen ini ketara menggunakan plot penglipur lara, yakni wira terpaksa semacam mengembara untuk mencari kesempurnaan hidup. S. Othman mengambil dan menggunakan teknik sastera Melayu tradisional. Bahasa yang digunakan persis bauran langgam bahasa Melayu lama seperti penggunaan kosa kata "maka", dan bahasa berirama untuk menggambarkan kecantikan seperti:

"Lehernya yang jenjang dengan bulu rompa yang berbaris halus di atas lurah-lurah kulit yang basah dan lunak, raut mukanya yang bujur dan menajam dalam bentuk klasik yang menakjubkan, matanya yang hening ..."

"Kamar Malam" pula mengisahkan cinta dan kasih sayang yang wujud antara "aku", dengan Iza. "Aku" dan Iza telah berkenalan sewaktu sama-sama menuntut di universiti. Bagaimanapun, "aku" terpaksa berpisah dengan Iza, kerana Iza ingin berjaya dalam dunia tarian kerana Iza major dalam *performing arts*, sedangkan keluarga "aku" tidak bersetuju untuk menerima calon menantu yang terlibat dalam dunia seni. Konflik ini dapat dilihat dalam petikan di bawah:

"Ini bukan tradisi keluarga kita," kata ayahku. Kami sedang menonton tv. "Biarlah anak-anak abah tidak menjadi orang seni. Biarlah. Tapi biarlah anak-anak abah menjadi orang berilmu. Menjadi pemimpin. Biarlah tidak menjadi orang seni. Walaupun yang hanya menjadi menantu."



Cerpen "Kamar Malam" ini berakhir dengan kekecewaan. Aku terpaksa berpisah dengan Iza dan berkahwin dengan pilihan keluarga demi tidak mahu melanggar tradisi keluarga. Aku dikurniakan seorang anak perempuan: "...dari hasil perkahwinan kami, yang kemudian aku namakan Iza sebagai mengingati nama bekas kekasih aku yang telah terpisah." Tema ini agak lazim dalam tahun 1960-an tetapi tidak hilang tarikannya, kerana terselit falsafah cinta yang mendalam menggunakan imej laut. Bagi Iza, cinta tidak boleh diumpamakan dengan laut kerana laut sebenarnya dicemari oleh manusia sendiri.

Dalam cerpen "Pintu dan Jendela" (BP) dan "Malam yang Menentukan" (PRR) S. Othman membawa persoalan tentang keinsafan diri yang dialami oleh protagonis setelah menyedari akan dosa-dosanya. "Pintu dan Jendela" memaparkan dia yang menginsafi segala dosa dan noda yang pernah dilakukannya, setelah mendengar ceramah agama di sebuah masjid. Sebelum ini dia bersubahat "melakukan kegiatan mengangkut pelacur dengan sebuah perahu kecil ke kapal asing yang berlabuh di pelabuhan. Dia ingin bertaubat, dan dia yakin taubatnya akan diterima Allah seperti yang pernah dipelajarinya daripada ustaz yang berceramah di masjid:

"...dia mengingati kata-kata Ustaz Hamid: Tuhan itu Maha Pengasih dan Maha Pengampun. Inilah yang diharapkannya. Inilah!"

Persoalan yang sama digarap oleh S. Othman dalam cerpen "Malam yang Menentukan," apabila "aku" kembali insaf dan menyedari dosa dan noda yang pernah dia dan kekasihnya lakukan bersama. "Aku" ingin bertaubat dan hidup bersama Iza kekasihnya, sebagai suami isteri yang sah, tetapi hasrat aku ditolak oleh Iza yang ingin hidup bebas tanpa ikatan perkahwinan. Cerpen ini berakhir dengan "aku" kembali mengingati Tuhan, dan Iza telah pergi meninggalkan aku kerana inginkan kebebasan."

Persoalan pertentangan budaya dan jurang generasi pula digarap oleh S. Othman Kelantan dalam cerpen "Catatan Seorang Datuk" (BP). Cerpen ini memperlihatkan pertentangan budaya Timur dan Barat menerusi watak "aku" sebagai datuk dengan cucunya Zamani. Cucunya yang dahulunya bersopan santun, berakhhlak dan berbudi mulia, sesuai dengan tatasusila



ketimuran, telah berubah perangainya sekembalinya dia dari belajar di Barat. Zamani tidak menghiraukan lagi budaya Timur, malahan mengagungkan segala macam bentuk budaya Barat yang dianggapnya petanda kemajuan. Sebagai seorang datuk, "aku" sangat sedih melihat situasi itu, namun "aku" tetap mengharapkan satu waktu nanti Zamani akan berubah dan kembali menjadi diri Zamani sebelum keluar negeri dahulu." Cerpen ini membawa kesan pemikiran bahawa Timur mempunyai keistimewaan dan keperibadiannya sendiri. Kedua-dua bentuk budaya memiliki unsur kebaikan yang boleh dimanfaatkan dan dijana dalam diri Zamani. Nada cerpen ini juga optimis. "Aku" juga menyedari hakikat dunia sudah berubah, dan Zamani adalah anak generasi ketiga. "Aku" berdoa supaya ada sintesisme antara ilmu Barat dengan budaya Timur dalam diri Zamani.

Melalui cerpen "Gunung" (BP) S. Othman menggarap persoalan pencarian kebenaran yang sebenar. Mursyid dan Ana, selama ini tersalah menilai keimanan. Bagi mereka, keimanan seseorang itu terletak pada bentuk penampilan secara fizikal, telekung, jubah, janggut dan serban. Keimanan seseorang itu terletak pada cara mereka mendekati diri kepada Tuhan untuk mencari kebenaran yang hakiki. Cerpen ini penuh dengan unsur simbolik, misalnya 'pendakian gunung' membawa maksud sebagai jalan untuk mendekati diri dengan Tuhan. Contohnya:

"Kalau kita mendaki kemuncak gunung itu, kita akan semakin kenyang. Kita akan diberi nikmat pendakian yang tidak kehabisan. Nikmat yang kekal. Nikmat yang berpanjangan."

Terdapat tiga buah cerpen yang membawa tema perjuangan dalam kumpulan cerpen ini, iaitu "Siang Memanjang" (BP), "Berjalan-jalan di Sini" (BP) dan "Al-Kisah Pada Suatu Masa" (BP). Cerpen "Siang Memanjang" membawa persoalan tentang perjuangan Jalal al-Tarbusi melalui kefasihan lidahnya. Di kalangan masyarakat setempat, Jalal al-Tarbusi dikenali sebagai seorang pejuang bahasa yang lantang dalam kongres, seminar, simposium dan sebagainya. Salah satu perjuangannya adalah memastikan penggunaan bahasa Melayu dengan betul dalam percakapan harian.

Cerpen "Berjalan-jalan di Sini" memperluaskan makna perjuangan antara golongan tua dengan golongan muda. "Aku"



mewakili pejuang golongan kemerdekaan di kalangan generasi lama yang menafsirkan erti perjuangan itu semata-mata sebagai perjuangan dalam politik. Berbeza dengan anak-anak "aku" yang mewakili generasi muda yang berpandangan bahawa ruang politik selepas kemerdekaan bersifat lebih terbuka, justeru mereka boleh memasuki mana-mana bidang tanpa melibatkan diri dalam politik. Anak-anak "aku" berjuang dalam bidang ekonomi untuk membolehkan seseorang memiliki punca kuasa. Contohnya:

"Kaum ini menuntut itu dan ini. Malah baru-baru ini cuba menafikan Melayu sebagai Bumiputera. Kerana itu, abah, orang-orang yang serupa Syaukat Akbar dan Abang Jalal itu perlu disokong. Anak cucu mereka akan datanglah akan memegang kuasa dan memegang tumpuk ekonomi. Kesempatan yang ada sekaranglah memberi peluang untuk kita naik, abah."

Tanggapan "Melayu sebagai masyarakat terpinggir" atau "merempat di halaman sendiri" ini memang banyak diperkatakan pada tahun-tahun 1950-an dan 1960-an. Semangat nasionalisme anak-anak "aku" yang mewakili generasi baru ialah nasionalisme ekonomi. Tanpa ekonomi, kuasa politik boleh terlepas ke tangan pihak lain.

"Al-Kisah Pada Suatu Masa" pula mengisahkan perjuangan Ustaz Samad Saudi untuk menjadi pemimpin. Setelah dua kali kalah dalam pilihan raya, dia menubuhkan Parti Hizbul Muslimin. Pemerintah telah lama mengintip perjuangannya, tetapi membiarkannya untuk memberi peluang kepada padanya serta pengikutnya supaya kembali ke jalan yang benar, dan kembali ke pangkuhan masyarakat. Hasrat kerajaan ditolak oleh Samad Saudi. Dia sebaliknya mempengaruhi pengikutnya berjihad menentang kerajaan sehingga membawa kepada tercetusnya peristiwa berdarah. Samad Saudi dan beberapa orang pengikutnya terkorban. Mereka menjadi korban ajaran seorang guru agama yang bercita-cita besar untuk merampas kuasa kerajaan secara memperalatkan orang desa yang murni dan tidak berdosa.

Dua buah cerpen S. Othman dalam kumpulan cerpen *Beberapa Pembetulan* mengemukakan persoalan dialogik intelektual, iaitu cerpen "Beberapa Pembetulan" dan "Macam-macam" yang juga merupakan cerpen terakhir yang



dihasilkannya pada dekad 1980-an, terbit dalam *Dewan Sastera*, Disember 1989. Cerpen "Beberapa Pembetulan" membawa persoalan keperluan membuat pembetulan terhadap pemakaian akronim, institusi dan lintasan sejarah. Pemikiran ini muncul setelah "dia" menghadiri satu majlis, apabila dalam majlis tersebut memperlihatkan kejahilan ilmu tokoh yang diundang berucap. Tokoh tersebut menggunakan bahasa secara sembron, tidak mengetahui erti perkataan, tidak mengerti tentang sejarah dan salah menggunakan istilah. Kesilapan itu menjengkelkan "dia", lalu menyarankan pembetulan:

Kalimat "demokrasi" itu boleh memberi makna dan konsep lain yang sesuai dengan "politik, "cendekawan" dan "hantu raya" itu. Demo dalam dialek Kelantan bernama "awak" atau "kau" atau "mu" atau dimaknakan secara umum sebagai "dia." Sebab itu kalimat "demokrasi" boleh dimaknakan "awak" atau "kau" atau "mu" atau "dia" (yang) "kerasi" setelah menjadi wakil rakyat atau menteri. Maksudnya ; seseorang yang sudah terpilih itu dapat "mengerasi" sesuatu yang hendak dikenakan ke atas rakyat sama ada dalam bentuk cukai, perubahan sistem pendidikan"

Selain penggunaan istilah "demokrasi", S. Othman juga cuba membuat beberapa pembetulan ke atas istilah "cendekiawan" yang diucapkan oleh tokoh itu dengan perkataan "cendakawan", konsep "Dewan Rakyat" yang ditafsirkan sebagai tempat cendakawan yang dipenuhi suasana bersuka-suka, perkataan "lawyer" yang mungkin menjadi "layar" atau "layar buruk", "rock", "SPM" dan beberapa istilah lagi. Dia mempersenda kalangan intelektual yang tidak meneliti betul-betul makna sesuatu istilah atau akronim, tetapi terus menggunakan tanpa pengetahuan ilmu. Demikian juga cerpen "Macam-macam" yang mengisahkan perdebatan "aku" dengan "kau" yang tidak bersetuju dengan penggunaan akronim dalam bahasa Inggeris, ke dalam bahasa Melayu seperti CHOGM, FELDA, UMNO, FELCRA, RISDA dan pelbagai lagi. Mereka berdua berpendapat bahawa penggunaan istilah Inggeris memperlihatkan sikap kalangan intelektual mempertahankan bahasa penjajah. "Aku" lebih suka memakai MKKK (Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel) daripada menggunakan CHOGM, kerana ia melambangkan kedaulatan bahasa Melayu. "Aku" dan "kau" juga mengecam perbuatan lobi



melobi yang berlaku di universiti untuk merebut jawatan Ketua Jabatan, Dekan Fakulti atau jawatan Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor. Kedua-dua cerpen ini mengkritik kalangan intelektual yang tidak memanfaatkan ilmunya dengan cara berlelucon dan bersenda yang menarik.

Dalam cerpen "Pada Suatu Ruang" (BP), S. Othman mengajak pembaca merenung kembali kisah-kisah dalam *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Seri Rama* dan cerita-cerita rakyat. Cerpen ini memperlihatkan kematanan S. Othman menggarap satu tema yang menjangkau persekitaran ruang masa lampau secara imaginatif dengan menampilkan watak Hang Tuah, Laksamana adik Seri Rama, dan watak Pak Pandir yang bersumberkan cerita jenaka Melayu. Melalui kreativitinya yang tinggi, S. Othman meneroka perasaan dan pemikiran watak-watak legenda dan jenaka tersebut dalam menanggapi kesemua peristiwa yang pernah diriwayatkan tentang mereka.

Dalam pertemuan itu, Hang Tuah menyatakan perasaan menyesal kerana membunuh Hang Jebat, Laksamana menyesal kerana membunuh Indrajit, dan Pak Pandir amat menyesal kerana membunuh anaknya tanpa niat. Pak Pandir juga memperihalkan sahabatnya Si Luncai yang bijaksana sehingga dapat membunuh raja yang zalim, tetapi akibat kesilapannya yang lebih mengutamakan syahwatnya secara berlebih-lebihan menyebabkan dia dibunuh oleh Tuan Puteri. Pak Pandir dan Laksamana telah meletakkan kesalahan yang dilakukan oleh Hang Tuah itu ke atas bahu Sultan Melaka kerana memerintah tanpa merujuk kepada perlembagaan negeri. Dalam cerpen ini, Pak Pandir diperihalkan sebagai seorang yang cerdik kerana Pak Pandir telah belajar daripada kesalahan yang pernah dilakukan dahulu.

Cerpen-cerpen S. Othman sepanjang dekad 1980-an yang termuat dalam *Perkahwinan Rama-rama* dan *Beberapa Pembetulan*, menggarap pelbagai tema dan teknik. Tema dan tekniknya boleh dikatakan berkembang dari yang konvensional hingga kepada tema falsafah dan "absurd" serta teknik yang eksperimental. S. Othman mempunyai sensitiviti yang tajam untuk mengungkapkan tema dan persoalan yang menarik dalam karyanya. Persoalan-persoalan yang diungkapkannya bukan sahaja bertolak dari dunia realiti, tetapi juga bertolak dari dunia imaginasi. S. Othman sangat peka dengan segala fenomena yang berlaku di sekelilingnya dan segala rasa ketidakpuasan hatinya



telah dirakamkan dalam bentuk cerpen. Seperti pada tahun-tahun 1960-an dan 1970-an dahulu, dalam tahun-tahun 1980-an S. Othman masih meneruskan penggarapan tema yang menyentuh penyelewengan kuasa seperti yang terlihat dalam cerpen "Beberapa Pembetulan" dan "Keputusan" (PRR). Persoalan agama, pertentangan budaya, falsafah, pembangunan dan perjuangan menunjukkan kesinambungan yang berterusan dan juga memperlihatkan perubahan yang bertitik tolak dari tanggapan dan penafsiran baru terhadap tokoh-tokoh legenda dan mitologi seperti yang dilihat dalam cerpen "Sang Raja" dan "Pada Suatu Ruang."

4

Cerpen S. Othman Kelantan dalam dekad 1990-an belum diterbitkan dalam bentuk kumpulan cerpen. "Dia yang Dia" (*Dewan Budaya*, Februari 1996), "Putera Si Luncai" (*Dewan Sastera*, Mac 1996) dan "Dalam Keberadaan" (*Berita Minggu*, 17 Mac 1996), ialah cerpen-cerpen yang membawa pelbagai tema dan teknik. "Dia Yang Dia" mengisahkan kegemparan seluruh penduduk kota disebabkan masih ada sebuah rumah yang bukan baru di tengah-tengah kota metropolitan KL. Pemandangan ini dianggap sangat memalukan, kerana kewujudan rumah itu dianggap simbol kemiskinan. Imej sedemikian bagaimanapun dilihat oleh warga dunia sebagai satu-satunya imej seumpama itu yang terdapat di dunia. Dari segi lain, "dia" berbangga kerana pelancong dari seluruh dunia datang untuk melihat rumah Melayu tradisi, yang merupakan satu-satunya rumah sedemikian yang masih terpelihara di dunia ini.

"Putera Si Luncai" pula mengisahkan Nila Kendi yang sempat dikahwini oleh Si Luncai, telah melahirkan seorang anak, dinamakan Putera. Putera Si Luncai mewarisi keintelektualan ayahnya dan mewarisi rupa paras ibunya yang cantik. Pemikiran Putera Si Luncai telah mengubah pemerintahan ibunya kepada demokrasi. Puteri Nila Kendi menyedari kesilapan ayahnya yang menjatuhkan hukuman bunuh ke atas Si Luncai hanya semata-mata kesilapan pemahaman perlambangan "kepala" ayahnya yang diumpamakan dengan "ulu tuanku". Melihat kepada keanggunan Putera dan keintelektualannya,

menyebabkan Puteri Nila Kendi mulai sedar kesilapannya mencintai Si Luncai yang telah terkorban. Perubahan pemikiran Puteri itulah yang menjadi tema penting cerpen ini sebagai satu anjakan mencari nilai kebenaran dan pembaharuan.

Cerpen "Dalam Keberadaan" mengulangi sejarah keagungan tokoh ilmuwan Islam dengan mengambil kisah dari karya "Al-Mantiqul-Tair" tulisan Faridu'l-Din 'Attar, untuk menampilkan pengabdian manusia di sisi Allah apabila mereka mengenal Allah dengan sebenar-benarnya melalui ilmu pengetahuan dan ibadat. Seluruh cerpen ini dibina dalam bentuk dalaman untuk menyampaikan mesej yang paling berkesan.

Ada empat buah cerpen yang terhasil dalam dekad terakhir abad ke-20, "Mitos Sebuah Teori" (*Berita Minggu*, 20 Februari 2000), Gua Percintaan" (*Berita Minggu*, 7 Disember 2000), "Bintang Kemilau" (*Berita Minggu* 20 Januari 2001) dan "Kawan Anjing Gila" (*Berita Minggu*, 26 Januari 2003). "Mitos Sebuah Teori" menghujah soal penciptaan karya sastera yang terlalu banyak menggunakan teori. Cerpen ini melihat "haiwan teori" dari sudut seorang pengkaji dan pengamal sastera menerusi tokoh Jalal. Jalal bereksperimen dengan teori perubahan nomenklatur tubuh manusia dan menghasilkan sesuatu yang lucu. Umpamanya kalau "Hidung" ditukarkan dengan "punggung", maka "Aku mencium dengan punggung". Walaupun nada cerpen dihasilkan dalam bentuk ringan dan lucu, tetapi kesan pemikirannya berat.

"Gua Percintaan" dibina dalam sebuah dunia alegori bagi tujuan pencarian "cinta abadi" - cinta kepada Tuhan. Dalam cerpen ini Munir mencari Nur, iaitu "cahaya mencari cahaya". S. Othman menggunakan banyak perlambangan dalam cerpen ini gua, pantai, bukit, alun dan ombak, semuanya manifestasi kebesaran Tuhan. Dia juga merujuk kepada "tujuh pemuda" yang bersatu dalam iman, dan "fitrah" yakni pancaran cahaya Allah. Puncak pertemuan dengan Nur = cahaya itulah puncak kebahagiaan manusia.

Dua buah cerpen mutakhir S. Othman "Bintang Kemilau" dan "Kawan Anjing Gila" ialah reaksi beliau terhadap perkembangan dunia semasa. Cerpen "Bintang Kemilau", ialah hasil reaksi pengarang terhadap kesan keruntuhan WTC terhadap masyarakat Islam. Lamin pasti bahawa Amerika dan konconya Israel bertindak lebih *terrorist* daripada Osama bin Laden. Pada S. Othman, masalah-masalah dunia seperti keganasan, masalah



sosial, politik, ekonomi dan lain-lain adalah berpunca daripada *borderless world*, *globalisation*, *secularism* dan lain-lain. Pertentangan dunia masa kini berpunca daripada kepelbagaiannya perbezaan sudut kepercayaan:

Lamin tiba-tiba kembali ke dalam dirinya. Ke dalam fitrah. Ke dalam dhamir. Islam hanya satu-satunya konsep kebenaran dan penyatuan. Tauhid itu abadi sebagai konsep kebenaran dan penyatuan. ... Tauhid itulah yang diperangi oleh Kristian dan Yahudi yang syirik...

Inilah menjadi agenda dunia Barat yang dikepalai oleh Amerika Syarikat. Dunia Islam akan musnah kalau tidak dapat menangani gerakan anti Islam global ini yang datang dalam pelbagai bentuk.

Dalam "Kawanan Anjing Gila", S. Othman tidak segan silu menuding jari siapa dia "anjing gila dunia" sekarang. Penaklukan Iraq dan Afghanistan oleh Sekutu Amerika menjadi isu utama dalam cerpen ini, menerusi kaca mata seorang pengusaha ladang anjing "Syarikat Kemesraan Manusia-Anjing Berhad" yang bernama Mark Anthony (nama watak seperti dalam *Julius Caesar*). Parabel ini menghentam habis-habisan "kegilaan" pemimpin-pemimpin dunia yang mahu memusnahkan tamadun dan negara Islam. S. Othman tanpa apologi membuat perbandingan antara manusia dengan binatang yang buas dan gila.

Berdasarkan analisis ini, jelaslah bahawa cerpen-cerpen S. Othman Kelantan yang dihasilkan sepanjang lima dekad, secara keseluruhannya memperlihatkan peningkatan dari segi teknik penulisan yang dipelajarinya dari akar sastera tradisi dan dari Barat. Pencapaiannya ini memerlukan pembaca turut memiliki pengetahuan yang mendalam untuk memahami cerpen-cerpennya, lebih-lebih lagi cerpen yang terkandung dalam kumpulan *Perkahwinan Rama-rama* (1984) dan *Beberapa Pembetulan* (1991). Selain daripada sumber teks Barat, S. Othman Kelantan juga turut menggunakan teks sastera Melayu lama dan moden sebagai bahan interteks seperti *Sejarah Melayu*, *Hikayat Hang Tuah*, cerita jenaka Melayu, novel *Salina* dan *Ranjau Sepanjang Jalan* sebagai titik tolak beliau menggali idea untuk menghasilkan cerpen.

S. Othman memperlihatkan kecenderungan menghasilkan cerpen-cerpen yang mengingkari konvensional, apabila banyak



karyanya dihasilkan dalam bentuk absurdisme, menggunakan teknik monolog dalaman dan arus kesedaran. Dari segi penggunaan plot pula, sesetengah cerpen S. Othman Kelantan tidak lagi mempedulikan garis plot yang lazim, maksudnya beliau tidak lagi gemar menggunakan plot konvensional. Karya-karyanya cenderung menggunakan bentuk pemikiran dan penghujahan keilmuan, tanpa mengabaikan aspek keindahan. Ciri-ciri plot konvensional seperti eksposisi, puncak dan penyelesaian tidak lagi digemari oleh S. Othman Kelantan. Tradisi bercerita dalam cerpen telah bertukar menjadi kecenderungan mengajak pembaca atau khalayak berfikir. Dengan kata lain, pembaca mula merasa dicabar daya intelektualitinya. Kemahiran ini dimanfaatkan oleh S. Othman tanpa mengorbankan unsur-unsur keindahan, estetika cerpen sebagai sebuah hasil seni yang tinggi dan bermutu. Cerpen sebagai sifatnya karya seni masih terpelihara. Walaupun terdapat cerpen konvensional, teknik penghasilannya ialah hasil pencerakinan semula. Cerpen-cerpen S. Othman telah memperlihatkan kemajuan dari segi tekniknya, stail atau gaya bahasa yang kreatif, imaginatif dan kesan pemikiran yang mendalam.



NOVEL

Bakat S. Othman Kelantan dalam bidang novel bermula seawal tahun 1955, apabila beliau menghasilkan dua buah manuskrip novel, *Antara Suka dan Duka* dan *Tertutupnya Jalan Ke Syurga*. Kedua-dua novel ini tidak pernah diterbitkan. Dua tahun kemudian, beliau menghasilkan, *Pengorbanan* dan *Tok Janggut* tetapi novel ini juga hanya dalam bentuk manuskrip. Pada tahun 1958, dia menulis *Seorang Kesateria* dan *Penaku*. Kedua-dua manuskrip ini juga tidak pernah diterbitkan. Pada tahun 1962, dia mencipta kemajuan awal dalam penulisan novel apabila novelnya *Pelangi* memenangi hadiah penghargaan dalam Peraduan Mengarang Novel anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka. Novel ini juga tidak diterbitkan.

Pada 1966, S. Othman menempa setapak lagi kejayaan apabila novelnya berjudul *Pengertian* diterbitkan oleh Pustaka Murni, Machang (1966). Novel ini kemudiannya ditukar judulnya kepada Norbani apabila ia diterbitkan semula oleh Citra Publishing (1984, 1985). Novel ini dicetak sebanyak tiga kali dan pernah mendapat ulasan daripada pengkritik sastera terkenal pada masa itu, Yahya Ismail. Sambutan yang baik daripada peminat sastera terhadap karya ini memberi semangat baru kepada S. Othman Kelantan untuk terus menulis novel.

Pada waktu itu, minat pembacaan S. Othman menjurus kepada Islam, ilmu falsafah dan politik. Lantas subjek ini dicurahkan dalam sebuah novel politik yang diberikan tajuk *Pertentangan* (1967). Novel ini memaparkan kekalutan pemikiran watak-wataknya yang berhadapan dengan kecamuk ideologi atau “ism” yang baru mereka kenali. Ia merupakan manifestasi



suasana sosial dan kekalutan minda cerdik pandai Melayu dalam era 1960-an yang terdedah kepada pengaruh ilmu dari Barat.

Novel *Pertentangan* mengundang kritikan yang pedas dan tajam daripada dua penulis terkenal, A. Samad Ismail dan Muhammad Affandi Hassan. Kalau diibaratkan dengan acara bertinju di dalam gelanggang, S. Othman seperti terkena tumbukan padu dari kedua-dua penumbuk kanan dan kiri, yang memungkinkannya terjatuh ke lantai. Para pengkritik menganggap, S. Othman ketika itu belum menguasai teknik dan gaya penulisan novel dengan baik. Salah seorang daripadanya menulis, "Bagi saya, *Pertentangan* ialah sebuah novel yang gagal. Persoalan yang hendak dikemukakannya tidak berjaya diolah oleh pengarang. Novel ini ialah sebuah novel yang artifisial yang tidak mempunyai kelebihan apa-apa" (*Dewan Bahasa*, Jun 1968: 251). Seorang lagi pengkritik menulis, "buku ini sebenarnya lebih banyak slogan daripada falsafah. Pendalamans falsafah tidak ada ... saya membuat kesimpulan bahawa S. Othman sungguh tidak dapat membicarakan soal yang sebenarnya dalam buku *Pertentangan* itu" (*Dewan Bahasa*, 1968: 309).

Kritikan itu membuatkan dia lebih sedar terhadap kelemahan dirinya sebagai seorang karyawan sastera yang diharapkan mendalami satu-satu ilmu yang ingin dibicarakan dalam karya sastera menerusi watak-watak yang diketengahkan. S. Othman bertekad untuk lebih berhati-hati dalam menghasilkan sebuah karya sastera, khususnya dari aspek teknik dan gaya persembahan serta pemilihan bahan yang ingin disampaikan.

Pada tahun-tahun 1960-an dan 1970-an, tema dan persoalan dalam sastera Melayu banyak berkisar pada masalah sosioekonomi dan pembangunan masyarakat di luar bandar sesudah mencapai kemerdekaan. Zaman pascakemerdekaan menuntut agar beberapa masalah kehidupan warga desa diselesaikan dan taraf hidup mereka dipertingkatkan. Isu ini mendorong penghasilan novel-novel seperti *Rantau Selamat* oleh Ibrahim Omar, *Suboh* oleh Atan Long dan *Ranjau Sepanjang Jalan* oleh Shahnon Ahmad. Novel Shahnon dianggap sebagai sebuah karya besar pada zaman itu.

S. Othman juga tidak ketinggalan dalam mengetengahkan gelora hidup masyarakat Melayu di desa melalui dua buah novelnya, *Angin Timur Laut* (1969) dan *Perjudian* (1973). Kedua-dua novel ini menampakkan kemajuan dan kematangan S. Othman dalam menghasilkan karya kreatif.



Beliau berjaya mengatasi beberapa kelemahan yang terdapat dalam novel-novel sebelumnya. *Angin Timur Laut* diilhamkan daripada pengetahuan dan pengalaman beliau mengenai cabaran hidup dan jatuhan bangun kehidupan masyarakat di kampung nelayan Pantai Timur, berhampiran dengan Kampung Tebing Tinggi, tempat kelahiran beliau.

Novel ini menarik perhatian sesetengah pengkritik yang membuat perbandingan antara *Angin Timur Laut* dengan *Ranjau Sepanjang Jalan*; kedua-dua novel ini mengupas persoalan hidup para nelayan dan petani di desa. Gaya penulisannya juga hampir sama. *Angin Timur Laut* mencipta sejarah bagi penulisnya apabila terpilih untuk diterjemahkan dan diterbitkan ke dalam bahasa Perancis pada tahun 1982, disusuli dengan terjemahan ke dalam bahasa Vietnam (1998) dan bahasa Thai (2003). Novel ini merupakan novel S. Othman yang pertama di terjemahkan ke dalam bahasa asing.

Angin Timur Laut melukiskan suatu realiti kehidupan tentang keterbatasan kemampuan manusia untuk berdepan atau menentang kejadian alam semula jadi. Manusia mampu mengharungi gelombang, tetapi manusia tidak mampu menentang gelombang. Gelombang besar bukan sahaja menenggelamkan perahu, kapal dan sebagainya, tetapi sekali gus menenggelamkan manusia, iaitu Salleh watak penting dan utama novel ini.

S. Othman berfalsafah, selagi manusia itu hidup, manusia harus berjuang untuk dirinya, untuk keluarganya atau untuk masyarakatnya. Perjuangan itu mesti diteruskan walaupun terpaksa berdepan dengan kekerasan alam dan manusia, seperti yang dihadapi oleh watak utamanya, Salleh. Salleh terpaksa juga keluar ke laut walaupun pada musim tengkujuh tatkala laut masih bergelora, dan mendepani orang tengah yang mencerut pendapatannya sehingga dia menemui ajalnya di laut.

Novel *Perjudian* pula mengisahkan untung nasib petani-petani Melayu yang menghadapi masalah kelaparan tanah untuk menampung hidup dan bertekad untuk mengusahakan sebuah kawasan baru sebagai peneroka haram demi memajukan diri mereka. Melalui *Perjudian*, S. Othman terpanggil memperlihatkan simpatinya terhadap kegigihan rakyat mengharungi kehidupan yang keras. Ketidakmampuan manusia menghadapi cabaran alam seperti banjir, kemarau, binatang buas dan penyakit terasa begitu memilukan.

S. Othman memperlihatkan rasa kemanusiaan yang



mendalam tentang perjuangan rakyat kampung untuk menghidupkan seisi keluarganya melalui pergantungan pada tanah sehingga memaksa mereka meneroka tanah secara haram. Selain menghadapi alam yang keras, rakyat bawahan daripada golongan petani juga menghadapi ketidakadilan manusia. Persoalan ketidakadilan dan ketidaksamaan antara kelompok manusia yang ditonjolkan dalam novel ini menunjukkan bahawa penulisnya sangat peka dan simpati terhadap perjuangan golongan petani yang miskin untuk menentukan haknya yang sering kali disalahtafsirkan dari segi undang-undang.

Tiga tahun sesudah kelahiran novel *Perjudian*, S. Othman melahirkan pula novel *Juara* (1976) yang dianggap oleh para pengkritik jauh mengatasi novel-novel sebelumnya. Novel *Juara* berjaya meletakkan S. Othman sebagai seorang penulis yang berwibawa, setanding dengan tokoh-tokoh sasterawan tanah air lainnya. Novel ini telah dipilih untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun pada 1988 dan kemudiannya diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris menggunakan tajuk *Champion*, diterbitkan pada tahun 1994. Novel ini meletakkan nama S. Othman sebagai salah seorang "juara" di kalangan para novelis semasa dan mengundang maklum balas daripada ramai pengulas dan peneliti sastera, termasuk gurunya di Universiti Sains Malaysia, Prof. Emeritus Dato' Shahnon Ahmad. Novel ini turut mendapat perhatian karyawan seni yang lain apabila U-Wei Shaari mengadaptasi novel ini ke dalam skrip filem dan menerbitkannya sebagai filem cereka dengan bantuan sebuah syarikat Jepun.

Novel *Juara* seperti juga *Perjudian* dan *Angin Timur Laut* memperlihatkan kepekaan dan simpati S. Othman terhadap keterbatasan kemampuan manusia. Setiap perjuangan yang dilaluinya pasti akan berhadapan dengan pelbagai halangan, lahir dan batin. Meskipun manusia itu berjuang berhabis-habisan untuk mencapai cita-cita dan harapannya, ternyata yang mengaut keuntungan daripada perjuangan mereka ialah orang lain. Dengan kata lain, orang yang benar-benar berjuang selalunya tersingkir tanpa memperoleh sebarang hasil daripada perjuangannya. Sebaliknya, orang yang menikmati keuntungan hasil daripada perjuangan yang gigih, itu ialah mereka yang tidak berkaitan, dan sekadar berada di luar gelanggang perjuangan.

Perjuangan watak-watak dalam novel *Juara* dilambangkan dengan perlagaan lembu. Lembu bertarung berhabis-habisan dan menang, tetapi ia tidak beroleh hasilnya. Orang yang



mendapat hasilnya ialah Mamat, orang yang memperjudikan nasib lembu itu. Mamat, watak utama dalam *Juara* pernah berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan. Apabila tanah air mendapat kemerdekaan, Mamat tersingkir dalam dua kali pilihan raya. Mamat gagal meraih keuntungan daripada hasil perjuangannya. Hal ini dikiaskan penulis bahawa apabila lembu menang, tuannya tidak beroleh apa-apa keuntungan, kecuali orang-orang yang berjudi. Tetapi apabila lembu kalah, tuannya turut kalah. Bagi Mamat "lembu itu politik, dan politik itu lembu."

Novel *Juara* ialah novel simbolik dan novel psikologi perjuangan yang dilambangkan dalam suasana perlagaan lembu dalam sebuah gelanggang. Kepala lembu dengan tanduknya menjadi lambang kepada pejuang tulen yang berjuang berhabis-habisan, tetapi tidak beroleh apa-apa. Perut lembu menjadi lambang kepada orang-orang yang tidak berjuang tetapi beroleh hasil daripada perjuangan orang lain. Mereka kenyang sekenyang-kenyangnya. Ekor lembu sentiasa berada dalam keadaan terumbang-ambing, tanpa arah tujuan kerana tidak dibimbing dengan baik oleh pemimpin mereka.

Dari perspektif sosiologi, *Juara* menggambarkan kehidupan rumpun Melayu Patani (Selatan Thai) yang masih dipagari oleh gejala kemunduran dalam semua segi; ekonomi, pendidikan, budaya dan pemikiran. Sukan dan judi laga lembu ialah permainan yang telah lama ditinggalkan oleh masyarakat Melayu di Malaysia, tetapi bagi puak masyarakat Melayu minoriti di Patani, permainan ini masih hidup segar.

Mamat ialah pejuang yang mempunyai kesedaran dan minda terbuka. Walaupun kehidupannya dihimpit kemiskinan sehingga memaksa dia mengikuti arus budaya masyarakat setempat, dengan bergiat dalam judi laga lembu, Mamat yakin, hanya melalui pendidikan, seseorang itu dapat melepaskan diri mereka daripada penjara kemiskinan. Justeru, dia memberi perhatian yang serius terhadap pelajaran anaknya.

"Dia (Mamat) mengharapkan biar Jusoh akan dapat mencapai taraf pelajaran lebih tinggi untuk hidup dalam negara Tanah Melayu yang merdeka. Biarlah anaknya menjadi manusia yang sebenarnya. Jusoh sudah dimasukkan ke sekolah Inggeris di Pasir Mas" (hlm. 35).



Demikian kesan pemikiran dalam novel *Juara* sebagai salah sebuah novel penting dalam sejarah kesusasteraan Melayu abad ke-20.

Empat tahun sesudah terbitnya *Juara*, S. Othman menghasilkan pula novel *Perwira* (1980) yang secara terus terang membicarakan persoalan perjuangan politik. Novel ini mengambil latar perjuangan pembebasan tanah air. Antara watak pejuang dalam novel ini ialah Awang Teleng, bersama beberapa orang temannya seperti Ali, Husain, Abbas, Abdul Rahman, dan lain-lainnya yang berjuang membebaskan Pasir Putih, Kelantan dari-pada penjajahan Inggeris. Mereka ialah penerus perjuangan menentang penjajahan yang telah dimulakan oleh Mat Hassan atau Tok Janggut yang menemui ajalnya di tali gantung setelah gagal dalam penentangannya terhadap Inggeris di Batas Besar. Sebagaimana kejatuhan Melaka di tangan Peringgi pada 1511, penentangan itu juga menemui kegagalan kerana dikhianati tali barut kepada askar upahan Inggeris.

Dalam jarak masa yang agak lama, iaitu selama sembilan tahun, S. Othman melahirkan *Ruang Perjalanan* (1989) yang menampilkan kelainan berbanding dengan novel-novel sebelumnya. *Ruang Perjalanan* merupakan novel pemikiran futuristik yang tidak mementingkan cerita dan perkembangan watak. Novel ini memperlihatkan suatu kemajuan dari sudut kepengarangan S. Othman.

Ruang Perjalanan muncul ketika khalayak sastera di Malaysia sedang membahaskan mengenai sastera Islam sebagai satu genre dalam karya sastera. *Ruang Perjalanan* boleh digolongkan ke dalam genre sastera Islam. Melalui novel ini, sebagaimana novel-novelnya yang terdahulu, S. Othman berdakwah. Secara keseluruhannya, novel ini mengangkat beberapa persoalan kehidupan bermasyarakat dan beragama pada masa akan datang; kehidupan manusia yang terlalu mengagungkan kemajuan sains dan teknologi sehingga melupakan hakikat dan tujuan hidup sebenarnya.

Untuk mengemukakan hal ini, pengarang memilih dan menghuraikan satu teori yang dikenali sebagai tesis, antitesis dan sintesis yang dikemukakan melalui perspektif para wataknya. Tesis diwakili oleh watak utama Aku, antitesis diwakili oleh Anakku dan sintesis diwakili Cucuku. Daripada ketiga-tiga tesis, antitesis dan sintesis inilah watak Aku menjadi penggerak keseluruhan cerita, hubungan Aku dengan Anakku dan Cucuku



berdasarkan ilmu pengetahuan Islam yang dimiliki oleh Aku, bekas seorang pensyarah universiti.

Beberapa bahagian atau episod daripada novel *Ruang Perjalanan* ini diisi penuh dengan ilmu pengetahuan yang mencakupi ajaran dan dakwah termasuk *mystic knowledge* yang dibumbui oleh *literacy polygenesis* yang menghidupkan lagi suasana cerita.

Suatu hal yang amat menarik dan tentunya menyenangkan adalah tentang penerapan unsur Islam dan peranan dakwah Islamiah yang begitu berjaya dibentangkan dalam novel *Ruang Perjalanan*. Malah unsur Islam dan persoalan keagamaan yang dikemukakan oleh S. Othman dalam novel ini jauh lebih baik daripada apa yang pernah dikemukakan oleh Shahnon Ahmad dalam *Al-Syiqaq* dan *Tok Guru*, atau novel-novel berunsur Islam yang terbit terdahulu seperti *Muhammad Akhir* karya Anas K. Hadimaja, *Arbain*, *Seorang Guru Tua*, *Perempuan Di Lereng Bukit*, dan *Ronjang*. Terlihat ada usaha S. Othman melakukan penyelidikan yang mendalam sebelum menulis novel ini. Hal yang sama dilakukan oleh beliau dalam novel-novel sebelumnya seperti *Pertentangan*, *Angin Timur Laut*, *Perjudian* dan *Juara*.

S. Othman berkecenderungannya menyelitkan unsur falsafah dalam karya sastera. Dalam *Ruang Perjalanan*, beliau menerapkan pemikiran dan falsafah mengenai kebebasan, kebenaran, realiti dan kewujudan Tuhan. Pemikiran dan falsafah tersebut lebih disandarkan kepada ajaran Islam. *Ruang Perjalanan* dapat dikategorikan sebagai karya sastera Islam dan sesuai dengan pemikiran Persuratan Melayu Baru yang dicetuskan oleh Mohd. Affandi Hassan.

Dalam dekad 1990-an sehingga memasuki tahun 2000, S. Othman menghasilkan empat buah novel, *Wajah Seorang Wanita* (1990), *Ustaz* (1991), *Nagogho Astana* (1997) dan *Orang Kota Bharu* (2003). Setiap novel ini mempunyai keistimewaannya yang tersendiri dan meletakkan S. Othman sebagai seorang sasterawan yang prolifik dan berwibawa. Novel-novel ini menampakkan per cubaan S. Othman untuk meneroka pembaharuan dalam berkarya.

Menerusi *Wajah Seorang Wanita*, S. Othman membawa pembaca menghayati kehidupan di desa yang amat dekat dengan jiwa dan jasmaninya, iaitu di tempat kelahirannya di sekitar Tebing Tinggi dan Pantai Sabak, Kelantan. Novel ini merupakan novel biografi yang mengisahkan watak ibu, seorang janda muda



yang terpaksa menghadapi pelbagai cabaran untuk meneruskan kehidupan, mendidik serta membesarakan anak-anaknya.

Sebagaimana novel-novel sebelumnya dan sesudahnya, *Wajah Seorang Wanita* menampilkan persoalan moral, keagamaan dan nilai hidup masyarakat Melayu tradisi yang begitu dekat dengan jiwa pengarangnya. Pada masa yang sama, diterapkan juga persoalan ketakwaan dan kemuliaan. Watak utama, Siti Musalmah digambarkan sebagai wanita yang bersifat lemah lembut, bersopan santun, dan mempunyai kekuatan minda dalam menghadapi pelbagai kerentahan hidup sebagai seorang janda muda yang sentiasa mendapat perhatian masyarakat desa di sekelilingnya. Juga, dia dengan bijaksana, berhadapan dengan kerakusan tentera Jepun yang menjadikan daerah tempat tinggalnya sebagai pintu masuk ketika meletusnya Perang Dunia Kedua.

Selain itu, S. Othman juga menonjolkan watak Omar, seorang pemuda yang alim, lemah lembut dan warak yang akhirnya menjadi suami Siti Musalmah. Seorang lagi watak, Che Mat digambarkan sebagai seorang yang suka menipu untuk memiliki kekayaan, lambang kemerosotan akhlak sesetengah anak muda pada zaman itu. Pengarang memberi kemenangan kepada jiwa yang sentiasa berpegang kepada agama, bersikap sabar dan bertawakal.

Wajah Seorang Wanita juga menampilkan pemikiran tentang gender Melayu, iaitu tentang keunggulan kaum wanita di Pantai Timur yang membabitkan diri mereka dalam ekonomi perniagaan. Watak unggul seperti Siti Musalmah, tidak mengabaikan tanggungjawabnya sebagai seorang suri rumah tangga dan lebih-lebih lagi sebagai seorang ibu, dia tetap gigih mendidik anak-anaknya untuk menjadi manusia yang berguna.

Dalam satu Majlis Apresiasi Novel yang diadakan di Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM pada Disember 1995, seorang pengkaji sastera Melayu, Dr. Rosnah Baharuddin menegaskan bahawa faktor masa dalam novel *Wajah Seorang Wanita* sekitar 1920-an hingga 1970-an, "memperlihatkan unsur sikap ketidakpercayaan ibu bapa terhadap anak dan kuatnya tanggapan bahawa wanita tempatnya di dapur. Sikap *conformist* tersebut menyebabkan perempuan tidak banyak berubah dalam perubahan waktu sehingga tertinggal dalam aspek ilmu dan pendidikan" (*Utusan Malaysia*, 30 Disember 1995: 22).

Seorang lagi pembicara dalam bidang pengajian sastera Inggeris, Dr. Faridah Merican membandingkan novel itu dengan



novel-novel penulis India, Ruth Pawer Jhavala seperti *Get Ready For Battle*, *A Backward Place*, dan *Heat and Dust*. Menurut beliau, "novel itu adalah lanjutan penguasaan *patriarchal*, walaupun berjaya menampilkan keunggulan seorang wanita yang juga seorang ibu. Walaupun nilai tradisional meletakkan norma tradisional sebagai ikutan yang kuat, tetapi penulisnya menyelitkan unsur kontras seperti keluhan Siti Musalmah dan Siti Fatimah ketika ditunangkan dengan sepupu mereka" (*Utusan Malaysia*, 30 Disember 1995: 22).

Pada bahagian akhir novel ini, S. Othman menampilkan dirinya melalui watak Ahmad apabila pada setiap malam Jumaat dia membaca al-Quran dan menghadiahkannya untuk roh arwah ibunya, ayahnya dan mereka yang telah terlebih dahulu pergi ke alam baqa'.

"Malam tadi dia sempat menemui ibunya dalam bacaan al-Quran yang kudus dan murni itu. Pagi ini, dia menemuinya sekali lagi di pusara yang tidak terbela dengan baik itu ... lihat-lah cik, serunya dengan nyaring dalam batinnya yang damai; anak cik telah masuk ruangan ilmu walaupun berlainan dengan corak keturunan kita. Anak cik telah hidup di bandar..."

Kemunculan novel *Ustaz* (1991) sebagaimana kemunculan novel *Ruang Perjalanan*, juga lahir dalam suasana ketika dunia sastera tanah air sedang mendebatkan persoalan sastera Islam. Kehadiran Ustaz dalam keadaan dunia sastera di Malaysia ketika itu dikatakan dapat mengisi ketandusan naskhah sastera berunsurkan Islam di rantau ini. Kemunculannya dialu-alukan oleh Dr. Suripan Sadi Hutomo, Profesor Kesusasteraan di Institut Keguruan Ilmu Pendidikan Surabaya, yang menulis:

"Memang, Ustaz bagi saya merupakan novel yang amat menarik, khususnya dari segi sastera Islam yang di Indonesia sangat langka (jarang-jarang terdapat) kehadirannya merupakan penyambung tradisi Melayu yang tidak terputus sampai hari ini ... Untuk itu, saya sangat berterima kasih kepada S. Othman Kelantan, yang menghilangkan dahaga saya akan kerinduan lahirnya novel Islami di Indonesia" (*Dewan Sastera*, Januari 1992).

Novel *Ustaz* mengisahkan watak utama Ustaz



Saifuddin, seorang lulusan Universiti Al-Azhar, mengambil tanggungjawab mendidik keluarga seorang usahawan peniaga batik di Kelantan dengan ilmu Islam. Keluarga Datuk Jalal Akbar bersama-sama isteri dan anak-anaknya, Siti Nuriza, Ali Akbar, Jamal Akbar dan Sayuti Akbar digambarkan oleh penulis sebagai sebuah keluarga yang cerdik, pintar, berpengetahuan, serta dianggap amat berjaya dalam kehidupan dunia "tetapi agak berjarak dari agama" (hlm. 7). Ustaz Saifuddin berasa bahagia kerana Tuhan telah menemukan dia dengan keluarga Datuk Jalal melalui satu tugas khas untuk berdakwah dan membawa mereka ke jalan yang lurus, jalan yang direndai Allah. Dia juga bersyukur kerana tugasnya menjadi lebih mudah, apabila kesedaran untuk kembali mengamalkan kehidupan Islam sememangnya telah sedia lahir dalam diri Datuk Jalal Akbar sendiri.

Ustaz Saifuddin memikul tanggungjawab itu dengan penuh tekad, keazaman serta keluhuran budi. Namun, pada ketika dia sudah mulai berjaya menjinakkan kelakuan dan peribadi Siti Nuriza, anak gadis kijang emas Datok Jalal yang manis, menawan dan menggoda itu, dia terpaksa pula melawan emosi dan perasaannya yang telah ditawan oleh kecantikan dan keayuan Siti Nuriza. Dan tentunya, Ustaz Saifuddin mesti melawan habis-habisan "godaan" itu serta patuh dan setia kepada tanggungjawabnya sebagai seorang pendidik dan pendakwah, justeru, terpaksa mengetepikan emosi dan rasa hatinya.

Jelas dalam novel ini, S. Othman telah memberikan perspektif dan sikap yang positif terhadap golongan agama. Sikap ini ternyata berbeza dengan sesetengah penulis yang telah memberi imej yang negatif terhadap orang agama. S. Othman memberikan kemenangan kepada watak pendakwah, Ustaz Saifuddin yang telah berjaya memikul tanggungjawabnya yang amat berat itu dengan penuh jujur, dedikasi dan setia. Dari segi kepengarangan, novel *Ustaz* memperlihatkan kesasterawanan S. Othman yang melalui kisah biasa, dapat merealisasikan gagasan perubahan dalaman atau kerohanian yang menjadi paksi keperibadian dalam novel ini. terutama keupayaannya memperlihatkan konflik dan perubahan dalaman secara berkesan, di tengah-tengah keserbuttan, kekerdilan dan kelemahan insan di mana-mana, khususnya seperti yang dialami oleh Siti Nuriza dan Ustaz Saifuddin.

Sebagaimana novel *Wajah Seorang Wanita*, novel *Ustaz* juga telah mendapat liputan media yang meluas dan diterima baik oleh para pengkritik sastera. Novel ini merupakan sebuah karya



sastera yang dihasilkan secara matang dari segi pemikiran dan kepengarangan.

Dalam jarak masa enam tahun selepas kelahiran Ustaz, S. Othman menghasilkan pula sebuah novel yang unik dan mempunyai kelainan, iaitu *Nagogho Astana* (1997). Sekali lagi, S. Othman cuba bereksperimen, meneroka dan membawa pembaharuan.

Nagogho Astana yang mengandungi 25 bab dengan sejumlah 279 halaman memenuhi kedua-dua genre, iaitu sebagai sebuah novel dan sebagai sebuah koleksi cerpen. Sebagai sebuah novel, ia menyorot seluruh pemikiran watak-watak dan subjek yang ditampilkan dalam teks sebagai satu kesatuan khalayaknya. Tetapi apabila kita membaca dari bab ke bab, kita dapat setiap bab itu boleh dibaca secara berasingan seperti membaca sebuah cerpen. Ia merupakan bentuk "nopen" atau novelcerpen yang pertama di negara ini; umumnya ia sebagai sebuah novel, dalam bentuk yang sama, isi keseluruhannya seperti beberapa buah cerpen yang terpisah.

Isu atau subjek yang disampaikan oleh penulis bukan semata-mata berdasarkan imaginasi sepenuhnya, tetapi berupa gabungan antara imaginasi dan "kisah benar" atau peristiwa yang pernah berlaku dalam kehidupan sehari-hari. Cuma nama watak-wataknya dan latarnya ditukar. Inilah satu-satunya novel atau karya sastera yang menyentuh pelbagai isu semasa dalam pelbagai sektor kehidupan masyarakat atau komuniti yang terangkum di bawah satu sistem politik dan pentadbiran. Kepelbagaiannya watak itu seperti boleh kita kenali dan berada dalam realiti masyarakat semasa.

Pada tahun 2003, S. Othman menghidangkan pula sebuah karya yang boleh dianggap menggabungkan tiga bidang ilmu, seperti sastera, sejarah dan sosiologi. Novel *Orang Kota Bharu* mengandungi 17 bab, setebal 541 halaman. Novel ini berupa sebuah karya sastera kerana sarat dengan cerita, peristiwa dan watak-watak. Novel ini dianggap sebagai novel sejarah kerana watak dan peristiwa yang digambarkan itu ialah kisah benar yang pernah berlaku di Kota Bharu. Dan novel ini dianggap sebagai novel sosiologi atau antropologi kerana gambaran watak dan peristiwa menampakkan struktur dan budaya komuniti dan masyarakat. Novel ini menonjolkan subbudaya, kehidupan dan warga Kota Bharu yang ditampilkan dan digambarkan secara terperinci oleh penulisnya.

Kota Bharu sebagai sebuah bandar dan ibu negeri yang majoriti penduduknya ialah orang Melayu yang beragama Islam, mempunyai imej dan warna hidup yang pelbagai. Kota Bharu dan Kelantan tidak boleh dipisahkan daripada sejarah kesultanan dan pemerintahan zaman silam. Kota Bharu menyaksikan perkembangan politik moden sebelum dan sesudah merdeka. Kota Bharu melahirkan ramai peniaga wanita dan aktivis budaya. Kota Bharu dan Kelantan terkenal dengan sistem pendidikan Islam menerusi institusi pondok dan madrasah; terdapat begitu ramai tok guru dan alim ulama yang berpengaruh dan dihormati. Kota Bharu pernah dikuasai oleh beberapa "tokoh" manusia samseng dan gedebe yang "dihormati" kerana ditakuti, akibat tindak tanduk mereka yang ganas. Dan Kota Bharu disamakan pula dengan kota Paris kerana kehadiran Biaritz Park dan So serta lorong-lorong yang terdapat kupu-kupu malam, bebas berkeliaran melayani remaja dan dewasa yang kehausan dan mencari keseronokan.

Dalam bidang agama, *Orang Kota Bharu* menampilkan tokoh-tokoh yang sudah dikenali umum di Kelantan seperti Tuan Guru Syeikh Haji Abdullah Tahir (Pondok Bunut Payung), Haji Husain al-Rahimi, Tuan Guru Sheikh Haji Wan Musa, Sheikh Haji Abdul Samad (Tuan Tabal), Sheikh Haji Nik Abdullah, Tuan Guru Haji Muhammad Nur Ibrahim, Tuan Guru Haji Ismail Yunus dan lain-lain.

Dalam bidang politik moden, *Orang Kota Bharu* memperkenalkan tokoh-tokoh yang dikenali umum di peringkat kebangsaan seperti Dato Asri Haji Muda, Tengku Razaleigh Hamzah, Dato Haji Muhamamd Nasir dan Dato Haji Mohd Yaacub yang tidak dapat dipisahkan daripada percaturan politik tiga penjuru, UMNO, PAS dan BERJASA di Kelantan suatu ketika dulu.

Dalam kehidupan seharian di bandar Kota Bharu, *Orang Kota Bharu* memperkenalkan kita dengan watak-watak seperti Jali Sabak, Mat Sin Golok, Jusuh Kebas, Musa Parang Punting, Ali Kutan, Rahim Mat Setapa, Noh Ular Kapak dan lain-lain yang dapat kita bayangkan perwatakan mereka melalui gelaran yang dilekatkan pada nama-nama mereka.

Dan di Biaritz Park, kita diperkenalkan dengan watak-watak seperti Norma Buluh Perindu, Siti Ainon Kacip Mas, Habibah Tahi Lalat, Cik Yam Batil, Cik Putih Sulur, Salbiah Kuning Manja, Minah Bunga Tanjung, Siti Rubiah Lesung Pipit,



dan Ida Senyum Sejemput yang dapat kita bayangkan wajah atau bentuk badan mereka melalui nama-nama gelaran yang diberikan kepada ahli tetap Biaritz Park itu.

Begitulah juga dengan tokoh-tokoh senimannya, penulisnya, penggerak aktiviti, sastera dan budayanya dan tokoh krafnya yang diperkenalkan secara sepintas lalu oleh S. Othman melalui *Orang Kota Bharu*. Ternyata *Orang Kota Bharu* ialah novel neonostalgia yang mampu membantu pembacanya mengenali Kota Bharu dari sudut sejarah, sosiologi, politik dan budaya secara lebih dekat dan mesra. Ia sebuah karya sastera *magnum opus* S. Othman yang sarat dengan fakta tanpa mengabaikan nilai estetika dan kemahiran gaya penceritaan yang sudah dikuasai oleh pengarangnya yang amat dewasa dalam menghasilkan sebuah karya sastera yang bermutu.

Jika dibuat perbandingan, karya-karya sasterawan Malaysia yang diterjemahkan ke dalam bahasa asing, kita dapat novel S. Othman adalah antara novel yang paling banyak diterjemahkan ke dalam bahasa asing. Novel *Angin Timur Laut* diterjemahkan ke dalam tiga bahasa, iaitu Perancis, Vietnam dan Thai. Novel *Juara* telah diterjemahkan ke dalam dua bahasa, iaitu Inggeris dan Jepun, manakala *Wajah Seorang Wanita* diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun. Keseluruhaninya, novel S. Othman telah diterjemahkan ke dalam enam bahasa, Perancis, Inggeris, Jepun, Thai, Vietnam dan Sinhalis. Penterjemahan dan penyebaran luas karyanya sehingga ke persada kesusasteraan dunia ini, menempatkan nama S. Othman sebagai salah seorang penulis novel terbilang tanah air.

Meneliti kesemua novel yang telah disorot secara ringkas di atas, kita dapat melihat perkembangan seorang penulis dan sasterawan yang sentiasa berusaha dan mempunyai iltizam yang tinggi untuk menghasilkan sebuah karya yang baik. Dan melalui ulasan yang dibuat oleh beberapa orang pengkritik sastera berwibawa, nama S. Othman Kelantan pastinya berada sebaris dengan nama-nama sasterawan tanah air yang sudah dikenali umum dan diterima sebagai tokoh sasterawan peringkat nasional.

Kesungguhan S. Othman Kelantan menghasilkan novel banyak diperkatakan oleh para pengkritik selain mendapat pengiktirafan yang wajar. Salah seorang daripadanya ialah guru-nya sendiri, iaitu Shahnon Ahmad yang memberi tanggapannya:



"S. Othman Kelantan adalah seorang sasterawan Melayu yang tidak pernah tumpul mata penanya dan yang selalu memperlhatkan perubahan dan kelainan dalam daya kreativiti dan keunikan kesasterawannya...Keserlahan ini pasti saja menuntut kekayaan peribadi yang agak luar biasa....Keprolifikan S.Othman Kelantan dalam berkarya agak luar biasa kekuatannya dan di samping itu dapat mempertahankan serta mempertingkatkan kesasterawannya" (*Dewan Sastera*, Jun 1991).

Novel-novel S. Othman mengandungi kesan pemikiran yang tersurat dan tersirat untuk membijaksanakan pembaca melalui pelbagai isu, sosiobudaya, politik, ekonomi serta pelbagai isu semasa yang sesuai dengan latar zaman, selain isu yang bersifat futuristik. Dari satu segi, novelnya mengadun etnografi masyarakat Melayu yang bersifat mikrokosmos, namun demikian ia boleh mewakili sistem sosiologi masyarakat Melayu dan meningkatkannya kepada persoalan yang makrokosmos untuk memperluaskan pengalaman khalayak. Isu-isu dunia moden dan pedesaan dipaparkan dengan berkesan, logik, berserta rujukan perbandingan antara pemikiran Barat dan Islam. Falsafah pemikirannya tentang nilai-nilai Islam sebagai paksi jiwa manusia dan kemurnian hidupnya disalurkan secara rasional, berilmu, bermaklumat, bersandarkan intelektualiti, kajian ilmiah, dinilai melalui perspektif yang seimbang dan dilihat secara global. Ketinggian pemikirannya disampaikan secara halus dan tersirat dengan keupayaan strategi naratifnya yang kreatif dan inovatif. Wahana bahasa yang digunakan *stylized* dan menyirat makna. Karya novel S. Othman kebanyakannya membekaskan kesan pemikiran dan estetika kepada khalayaknya.



KESIMPULAN

Kepengarangan S. Othman membenih, berakar, menjulurkan sulur dan tumbuh subur menjadi pohon sastera sejak lebih lima dekad yang lalu. Beliau mula berkarya pada tahun 1954 dalam hampir kesemua genre, iaitu, cerpen, novel, puisi, esei, dan kajian sastera. Sehingga tahun-tahun awal alaf baru, kesasterawanannya terus berkembang segar, meluncurkan pemikiran dan memancarkan estetika, terutama melalui novel dan cerpen. Esei dan kajian sastera juga diunggulinya, untuk menyerlahkan segala yang tersurat dan tersirat tentang kebijaksanaan pujangga Melayu menyurati bidang persuratan. Beliau menelusuri segala bentuk pengalaman dan penghayatan ilmu yang tercerap dalam sastera tradisi dan sastera moden untuk mencari kekuatan minda Melayu sebagaimana yang terukir dan terakam dalam sejarah peradaban dan ketamadunan bangsa.

Penghayatan S. Othman dalam bentuk pemikiran dan estetika kepengarangan Melayu ini banyak ditulisnya dalam ruangan "Yang Tersirat" dalam majalah *Dewan Sastera*, selain buku-buku kajian yang dihasilkannya. Beliau memperlihatkan kecenderungan pemikiran baru dalam era moden ini untuk menjadi penanda aras kepada penulis muda, yang mewakili generasi baru yang akan mewarnai perkembangan kesusteraan Melayu pada abad ke-21.

Kesan pemikiran beliau ini secara tidak langsung menjana usaha membijaksanakan khalayaknya, dengan pemikiran yang dapat menguja sifat-sifat yang bertenaga, berdaya saing, keluhuran budi, ketinggian akliah serta membekas kesan estetik, seterusnya mendorong usaha memperteguh peradaban bangsa yang gemilang. Kumpulan cerpen beliau yang penting seperti *Perkahwinan Rama-rama* dan *Beberapa Pembetulan* banyak me-



muatkan isu yang berkecenderungan sedemikian. Melalui keduadua kumpulan cerpen itu, pertembungan nilai falsafah dari Timur dan Barat dicerapkan secara kreatif untuk membentuk nilai terbaik dan membina keperibadian orang Melayu dan bangsa Malaysia.

Dalam karya-karya kreatif yang dihasilkan, beliau juga memperlihatkan bagaimana bangsa Melayu berhadapan dengan pelbagai isu dan dilema, kemudian menanganinya dengan kaedah terbaik untuk mewujudkan keseimbangan keperluan naluri dan kehendak kebendaan, sekali gus mencorakkan satu bentuk peradaban tinggi. Pegangannya pada prinsip akidah dan agama Islam amat teguh. Beliau menjadikan karya sastera sebagai wahana pendidikan akhlak dan medan dakwah sesuai dengan fitrah kejadian manusia, serta menggalakkan peneguhan sifat-sifat insan dan ihsan.

S. Othman melalui karya kreatifnya dilihat beridentiti dengan ciri-ciri pewarnaan setempat, sehingga kelihatannya karyanya itu seolah-olah terbatas pada ruang yang bersifat mikrokosmos. Namun demikian, dari sisi yang lain karya itu mewakili satu bentuk etnografi kelompok masyarakat yang mewakili budaya Melayu yang diolah dengan kehalusan seni persuratan, sehingga sifat itu akhirnya turut mewakili nilai sejagat dalam satu ruang yang makrokosmos.

Orang Kota Bharu, karya mutakhir beliau, misalnya mengandungi perwatakan Melayu yang pelbagai rupa bentuk dan keperibadiannya. Semuanya dijalinkan dalam segmen-segmen berlandaskan keagamaan, sejarah, sosiologi, ekonomi dan politik. Perwatakan sedemikian juga muncul dalam pelbagai tamadun dan peradaban manusia.

S. Othman tidak melontarkan pemikirannya semata-mata, bahkan pemikirannya disaluti dengan nilai estetik yang tinggi kerana keupayaannya menguasai pelbagai ragam bahasa, di samping mempertahankan kesegaran, keunikan dan keperibadian yang tersendiri. Beliau menemui bentuk yang dapat mewakili identiti kepenggarangannya.

Demikianlah S. Othman Kelantan yang dikenali sebagai salah seorang penulis terbilang tanah air. Karyanya banyak disebarluaskan ke persada sastera dunia melalui penterjemahan, justeru, sumbangannya ini telah merentasi sempadan global. S. Othman umpsama sejulur cahaya yang mengerdipkan sinar gemilang dalam perkembangan kesusasteraan Melayu.



LAMPIRAN





BIO DATA

1938	Dilahirkan di Kampung Tebing Tinggi, Kemumin, Kota Bharu, Kelantan Darulnaim.
1952	Mengikuti kursus perguruan dan mendapat Sijil Perguruan TUOS.
1953 - 1954	Mula menulis puisi dan cerpen.
1954	Salah seorang pengasas Angkatan Sasterawan Muda Pantai Timur (ASMUPATI).
1962	Menangani Hadiah Mengarang Novel, DBP.
1964 - 1971	Belajar sendiri dan lulus SPM dan STP.
1966	Salah seorang pengasas, Persatuan Penulis-penulis Kelantan (PPK).
1972 - 1974	Menangani Hadiah Sastera Malaysia (Cerpen).
1973	Memperoleh Pingat Bakti (P.B) daripada KDYMM Sultan Kelantan.
1973 - 1976	Ketua 1, Persatuan Penulis-penulis Kelantan (PPK).
1974	Memperoleh Pingat Ahli Mangku Negara (A.M.N) daripada DYMM Yang di-Pertuan Agong.
1974 - 1979	Memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera dari-pada USM.
1982 - 1983	Tenaga pengajar USM.
1983 - 1996	Pensyarah di Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM), UKM.
1990	Memperoleh <i>S.E.A Write Award</i> , Thailand.
1993	Mendapat gelaran Profesor Madya daripada UKM.
1994 - 1995	Memperoleh Ijazah Doktor Falsafah daripada UKM.
1996	Pembentang kertas kerja Seminar Sastera di Beijing, China.



- 1996 Pembentang kertas kerja Seminar Sastera di Tokyo Foreign Studies, Jepun.
- 1996 Pembentang kertas kerja di Seoul dan Pusan, Korea.
- 1997 Penceramah Sastera di Mesir dan Jordan.
- 1997 -1999 Karyawan Tamu di UM.
- 2000 Panel, Hadiah Fomula Malaysia.
- 2000 - 2003 Pensyarah di Pujangga Management Institute, Serdang, Selangor Darul Ehsan.
- 2001 Pengerusi Panel Hadiah Sastera Islam, DBP.
- 2003 Ahli Jawatankuasa MASTERA.
- 2003 Menerima Anugerah Sastera Negeri Kelantan Darulnaim.
- 2003 Menerima Anugerah Sastera Negara.



SENARAI KARYA

CERPEN

Kumpulan

1. *13 Cerpen S. Othman Kelantan.* Kota Bharu: Syarikat Dian Sdn. Bhd., 1970.
2. *Surat.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979.
3. *Ibu.* Kuala Lumpur: Heinemann Education Books (Asia) Ltd. 1980.
4. *Perkahwinan Rama-rama.* Pulau Pinang: Teks Publishing Sdn. Bhd., 1984.
5. *Beberapa Pembetulan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.

Antologi

1. *13 Cerpen Masyarakat III.* Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Bhd., 1963.
2. *Gelisah.* Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu (M) Bhd., 1967.
3. *Hadiyah.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972.
4. *Pemenang.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974.
5. *Suara Semusim.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974.
6. *Jejak Langkah.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1975.



7. *Koleksi Cerpen-cerpen Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 1977.
8. *Anak Bumi Tercinta*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1977.
9. *Miden, Senjanu Adalah Perubahan*. Pulau Pinang: Teks Publishing Sdn. Bhd., 1981.
10. *Menjunjung Titah Perintah*. Kuala Lumpur: Tra-tra Publishing & Trading Sdn. Bhd., 1984.
11. *Menunggu Ratu Asli*. Kuala Lumpur: Penerbitan Adabi Sdn. Bhd., 1984.
12. *Suatu Subuh yang Bening*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1984.
13. *Mimpi Paduka*. Kuala Lumpur: Tra-tra Publishing & Trading Sdn. Bhd., 1984.
14. *Angin Pulau*. Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd., 1985.
15. *Dongeng Merdeka*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1985.
